

**PEMIKIRAN POLITIK ISLAM
USTAZ ABU BAKAR HAMZAH**

AHMAD RIDZA BIN ABDUL RAHMAN

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**PEMIKIRAN POLITIK ISLAM
USTAZ ABU BAKAR HAMZAH**

AHMAD RIDZA ABDUL RAHMAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SERJANA USULUDDIN
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami peranan yang dimainkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah yang merupakan salah seorang ahli pemikiran politik Islam yang terkenal di Malaysia pada suatu masa dahulu. Kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang personaliti, pemikiran dan sumbangan beliau terhadap perkembangan politik Islam di Malaysia. Perkembangan politik ini meliputi aspek ekonomi, pentadbiran kerajaan, keagamaan, pendidikan dan kesenian Islam. Data dan maklumat diperolehi daripada pelbagai bahan rujukan seperti buku-buku penulisan beliau, majalah-majalah ilmiah dan artikel-artikel asal beliau yang terdapat di beberapa buah perpustakaan universiti dan awam di Malaysia. Ustaz Abu Bakar Hamzah telah banyak memberi dan mengeluarkan idea baru yang berasas dari sudut pentadbiran dan kepimpinan. Sesetengah idea beliau telah diguna pakai sehingga hari ini. Ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai pemikiran yang kreatif dan kritis sehingga beliau dapat mengeluarkan idea yang baik bagi tujuan politik Islam dan pentadbiran negara. Golongan pemerintah dan masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu bagi memantap dan melaksanakan politik Islam sebagaimana yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w.

ABSTRACT

This study was conducted to understand the role that was played by Ustaz Abu Bakar Hamzah who was a famous Islamic political thinker in Malaysia for the last few years ago. This study also want to know more detail regarding his personality, thinking and contribution in Islamic political development studies in Malaysia. The Islamic political thinking in Malaysia was covered many aspects such as governance, economic, religion's administration, education and also art of Islamic. Data and informations were taken from many of sources such as books, historical journal, magazine and his own original articles that can be found at local university mostly and other public library. All the informations were search from all universities and civil libraries in Malaysia and all from internet website. Ustaz Abu Bakar Hamzah was gave a lot of contribution and good opinions in governance and leadership. Some of the ideas were still used until today. This proof that, he has an excellence, creative and criticism thinking for Islamic politics and administrations. The administrators and the public should work together to make sure that Islamic politics can be done as teached by our Prophet , Nabi Muhammad s.a.w.

PANDUAN TRANSLITRASI

Konsonan

أ	a, (Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	S

ض	d
ط	t
ظ	z
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

Vokal panjang

ا	A
و	U
ي	I

Vokal pendek

- (Fathah)	a
- (Kasrah)	i
- (Dammah)	u

Diftong

وُ □	Aw
يُ □	Ay

يَّ	iy/i
وَ	uww

SENARAI KEPENDEKAN

a.s	Alaihi al-Salam
ADUN	Ahli Dewan Rakyat
AJK	Ahli Jawatankuasa
B.N	Barisan Nasional
Dr.	Doktor
DUN	Dewan Undangan Negeri
h.	Halaman
H	Hijrah
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
j.	Jilid
k.w	Karrama Allah wajhah
M	Masihi
MATA	Majlis Tertinggi Agama Malaya
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MCA	Persatuan Cina Malaya
MIC	Kongres India Malaya
No.	Nombor
<i>Op-cit</i>	<i>Opera cicato</i> (rujukan sebelumnya)
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PEKEMBAR	Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu

Prof	Profesor
PUTIK	Pusat Tarbiyyah Islam Kelantan
RIDA	Rural and Industrial Development Authority
r.a	<i>Radiya Allah 'anhu /ha</i>
s.a.w	<i>Salla Allah 'Alaih Wasalam</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
S.W.T	<i>Subhanahu wa T'ala</i>
t.t	Tanpa Tarikh
Terj.	Terjemahan
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malay National Organization
U.N	United Nation

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadhrat Allah SWT. yang meninggikan martabat orang-orang beriman dan mereka yang diberikan ilmu pengetahuan. Selaut kesyukuran juga atas ni'mat kesihatan dan kelapangan yang telah dikurniakanNya buat penulis sehingga dapat menyiapkan laporan penyelidikan ini. Selawat dan salam khusus buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. yang telah berkorban dengan apa jua demi memartabatkan Islam di muka bumi ini, seterusnya untuk para *anbiya'*, kaum kerabatnya, para sahabat, para *syuhada*, para *al-qurra' al-'amilin* serta muslimin dan muslimat yang terdahulu yang memperjuangkan agama Islam yang suci ini.

Setinggi-tinggi penghargaan, kasih sayang dan doa dipanjatkan kepada Allah SWT, khususnya buat bonda tercinta Wan Rohani binti Mohamed dan al-Marhum ayahanda Hj Abdul Rahman Bin Hj Mohamad. Pengorbanan serta doa bonda dan ayahanda selama ini dalam membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penulis tidak akan terbalas walau apa jua dikorbankan. Semoga segala pengorbanan bonda dan ayahanda berdua akan diganjari dengan pahala yang berlipatganda oleh Allah SWT dan didoakan semoga mereka mendapat keampunan dan redha di sisi Allah SWT.

Penghargaan dan terima kasih tak terhingga penulis ucapkan kepada penasihat kajian, Us. Faizuri bin Abd. Latif yang telah mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran untuk membimbing dan menyelia penulis sejak dari awal sehingga terhasilnya penyelidikan ini. Semoga segala pengorbanan yang dihulurkan akan dikurniakan ganjaran yang setimpal di sisi Allah SWT. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam ,Prof Madya Dr Mohd Fauzi Bin Hamat, Dr. Wan Suhaimi bin Abdullah, Prof. Madya Mohamad Kamil bin Hj. Ab. Majid, Prof. Madya Dr. Kahadijah Kambali, Dr. Ahmad Zuhdi bin Ismail, Tuan Syed Mohamad Hilmi Syed Ab. Rahman serta para pensyarah dan kakitangan di Jabatan

Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah mencurahkan ilmu yang tidak terhingga sepanjang pengajian penulis yang berpusat di Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kelantan. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat yang telah membantu bagi menjayakan penyelidikan serta rakan-rakan karib yang banyak mendorong dan membantu serta memberi tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan yang amat berguna sepanjang pengajian penulis. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala curahan ilmu dan sokongan yang diberikan.

Untaian kasih dan penghargaan juga dihadiahkan buat isteri tercinta, Dr Anani Aila Mat Zin dan dua putera yang dikasihi, Ahmad Arieb Rifqi dan Ahmad Rasyad yang sentiasa berkorban untuk papa jua tidak ketinggalan kepada mertua Siti Esah Abdullah dan al-Marhum Mat Zin Bin Dollah di atas pengorbanan serta doa beliau. Terima kasih penulis ucapkan atas bantuan dan pertolongan kalian semua semoga kalian lebih gigih dalam memperjuangkan agama Allah di bumi ini.

Semoga sedikit pengorbanan yang kita semua laksanakan dalam memperjuangkan agama Allah dikira sebagai amal soleh buat bekalan di akhirat nanti. Amin.

Sekian, terima kasih.

AHMAD RIDZA BIN ABDUL RAHMAN

PT 545, Padang Taman Pemuda,
Wakaf Stan,
16150 Kubang Kerian, Kelantan Darul Naim.

Maahad Tahfiz Al Quran Wa Al Qiraat
16600 Pulai Chondong ,
Kelantan Darul Naim.
Februari 2010.
Tel. (0199197978)

KANDUNGAN

Abstrak	ii
Abstract	iii
Panduan Transliterasi	iv
Senarai Kependekan	v
Penghargaan	vii
Daftar Isi	ix

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pengertian Tajuk	3
1.3 Perumusan Masalah	7
1.4 Skop dan Batasan Kajian	8
1.5 Alasan Memilih Tajuk	8
1.6 Objektif dan Kepentingan Kajian	
1.6.1 Objektif Kajian	10
1.6.2 Kepentingan Kajian	11
1.7 Metodologi Kajian	11
1.7.1 Metode Pengumpulan Data	13
a) Penyelidikan Perpustakaan	14

b) Penyelidikan Lapangan :	15
I. Metode Historis (Pensejarahan)	16
II. Metode Dokumentasi	17
1.7.2 Metode Analisa Data :	
I. Metode Induktif	19
II. Metode Deduktif	20
III. Metode Komparatif	20
1.8 Tinjauan Kajian Lepas	21
1.9 Susunan Penulisan	22

BAB KEDUA

SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan	26
2.2 Pengertian Politik	29
2.3 Sejarah Perkembangan Politik Islam:	
2.3.1 Zaman Rasulullah saw.	31
2.3.2 Zaman Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a	34
2.3.3 Zaman Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a	36
2.3.4 Zaman Khalifah Uthman ibn al-Affan r.a	39
2.3.5 Zaman Khalifah Ali ibn Abi Talib k.w	42
2.3.6 Zaman Kerajaan Bani Umayyah dan Abbasiyah (660–1261 M)	44

2.4 Perkembangan Politik Islam di Malaysia	
2.4.1 Zaman Empayar Melaka	51
2.4.2 Zaman Kesultanan Melayu	52
2.4.3 Zaman Sebelum Merdeka	53
2.4.4 Penubuhan Parti Politik Utama	56
2.4.5 Zaman Selepas Merdeka	63
2.5 Kesimpulan	66

BAB KETIGA

USTAZ ABU BAKAR HAMZAH TOKOH POLITIK ISLAM MALAYSIA

3.1 Pendahuluan	67
3.2 Latar Belakang Keluarga	68
3.3 Latar Belakang Pendidikan	69
3.4 Kerjaya	71
3.5 Penglibatan Politik	74
3.6 Menghasilkan Karya-karya Ilmiah	78
3.7 Kembali ke Rahmatullah	81
3.8 Kesimpulan	82

BAB KEEMPAT

ANALISA PEMIKIRAN POLITIK ISLAM USTAZ ABU BAKAR HAMZAH

4.1 Pendahuluan	83
4.2 Negara Islam	
4.2.1 Perlembagaan Negara Islam	84
4.2.2 Cara Pelaksanaan Negara Islam	87
4.2.3 Pembahagian Tugas Pentadbiran Negara	90
4.3 Ketua Negara	
4.3.1 Ciri-ciri Ketua Negara	91
4.3.2 Cara Perlantikan Ketua Negara	95
4.4 Ketenteraan	97
4.5 Kehakiman	99
4.6 Sistem Parlimen	101
4.7 Peraturan Kemasyarakatan	103
4.8 Sistem Ekonomi	104
4.9 Polisi Pendidikan dalam Pemerintahan	106
4.10 Kesimpulan	107

BAB KELIMA

KESIMPULAN & PENUTUP

5.1 Kesimpulan Umum	108
5.2 Kesimpulan Khusus	112

5.3 Saranan	115
5.4 Kata Penutup	117

BIBLIOGRAFI

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Setiap negara di dunia ini mempunyai sistem politik yang tertentu sejak dari dahulu sehingga pada zaman sekarang. Cara berpolitik sesebuah negara itu bergantung kepada keadaan dan suasana sesebuah masyarakat. Ianya melibatkan corak pemerintahan dan pentadbiran serta keadaan rakyat secara umum. Kebanyakkan ahli politik dan tokoh parti kebiasaannya melibatkan diri dalam kegiatan mengajar dan dari sekolah itulah pemikiran mereka bermula dan strategi mereka berakar.¹ Setiap Negara, kaum dan masyarakat pasti mempunyai pemimpin yang hebat yang memimpin masyarakat ke arah yang lebih baik sebagaimana firman Allah Taala :



¹ Mustafa Muhammad Thahhan (2002), *Kepimpinan Dalam Pergerakan Islam Tokoh Pergerakan Islam Masa Kini Dr. Mustafa Al-Siba'i (Syria)*, Kuwait: Darul Watha'iq, h. 34

Maksudnya;

Dan berkatalah orang-orang yang kafir: “Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) suatu mukjizat dari Tuhanmu?”

*Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang rasul pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), dan tiap-tiap umat (yang telah lalu) ada nabinya (pemimpin) yang memimpin ke jalan yang benar.*²

Surah al-Ra'd (13): 7

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai serta mempunyai sistem politik yang stabil. Ianya mempunyai pelbagai keistimewaan yang tertentu dari segi kepelbagaian kaum, agama dan mempunyai sumber ekonomi yang pelbagai. Golongan politikus Islam di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam perkembangan politik Islam di Negara ini. Golongan politikus ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan sebuah negara Islam, malah turut bertanggungjawab mentajidikan semua lapisan masyarakat Islam. Dalam pada itu kajian ini akan memfokuskan kepada pemikiran politik Islam seorang tokoh politik Islam yang agak bijaksana dan masyhur di Malaysia iaitu Ustaz Abu Bakar Hamzah. Beliau juga merupakan seorang tokoh pendidikan yang banyak memberikan idea yang bernas di dalam dunia pendidikan dan juga dunia politik. Antara sumbangan beliau yang penting

² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzu'*, Kuala Lumpur: Darul Al-Fikr, h. 467

dalam bidang politik ialah mengarang buku berjudul “Konsep Kepimpinan Ulamak dalam Politik” yang telah dijadikan sebagai bahan rujukan oleh para politikus Islam di Malaysia. Beliau juga pernah memegang jawatan-jawatan yang penting di dalam organisasi parti PAS. Antaranya ialah jawatan sebagai setiausaha agung PAS pada tahun 1970an.³

Sehubungan itu, kajian pemikiran seseorang tokoh memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka pemikiran insan ke arah pembangunan masyarakat yang sempurna dan harmoni serta negara menjadi aman dan sejahtera. Ia mampu mencorakkan seluruh aktiviti kehidupan manusia berdasarkan landasan syariat Allah S.W.T. Pembentukan pemikiran politik Islam bermula dari akidah, pemerintah (khalifah), undang-undang negara, shura, al-‘adalah wa al-musawah, al-hurriyah serta al-shahadah wa al-hakimiyyah seperti mana yang ditetapkan oleh Islam. Konsep ini amat penting kerana ianya merupakan asas dalam politik negara Islam.

1.2. PENGERTIAN TAJUK

Kajian ini akan cuba menyingkap sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh seorang tokoh politik Islam Malaysia yang agung dengan tajuk : **Pemikiran Politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah**. Penulis merasakan perlu diberikan penjelasan mengenai beberapa perkataan dalam tajuk kajian ini agar pengertian tajuk akan menjadi lebih jelas untuk dibincangkan.

³ Abu Bakar Hamzah (1989), *Quo Vadis Pas? Polemik Spontan diantara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslim*, Selangor: Polygraphic Press Sdn. Bhd., h. 179

Perkataan “pemikiran” adalah kata terbitan berasal dari kata “fikir” yang bermaksud ingatan, angan-angan dan akal.⁴ Pemikiran pula memberi maksud perihal berfikir iaitu cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang luar biasa tetapi berkesan.⁵

Perkataan “politik” pula dikatakan berasal daripada perkataan Greek “polis” yang bermaksud bandar. Dalam kata lain, politik bermaksud kajian tentang sesebuah bandar yang merangkumi sesebuah negara.⁶ Kamus Dewan pula menyatakan bahawa perkataan “politik” bermaksud ilmu berkaitan dengan cara pemerintahan, ilmu siasah dan ilmu kenegaraan. Ia juga bermaksud segala sesuatu yang berkaitan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain. Selain itu ia juga bererti kelicikan,muslihat dan tipu muslihat.⁷

Perkataan “Islam” pula berasal dari bahasa Arab, kata dasarnya ialah “*salima*” yang membawa erti : sejahtera, memberi, menyerah, akur, taat, dan patuh.⁸ Sebagai agama, Islam merupakan penyerahan diri dan ketaatan secara total kepada Allah s.w.t dan

⁴ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 351

⁵ *Ibid*, hal 352.


⁶ Abdul Rashid Moten, Syed Sirajul Islam (2005), *Introductin To Political Science*, Kuala Lumpur: Thomson Learning, h. 3

⁷ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1049

⁸ Ahmad Mukhtar ‘Umar, e.d (1988), *Al-Mu’jam al-Asasi*, Tunis: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-‘Ulum, h. 637-638

ajaran yang dibawa oleh Nabi saw Muhammad s.a.w.⁹ Ajaran Islam memerintah umatnya taat kepada segala perintah Allah dan menjauhi laranganNya.¹⁰

Menurut Hassan Ayyub, Islam dari sudut syarak ialah kepatuhan, ketundukan, diri dan ketengah hati serta penerimaan setiap ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.¹¹ Ajaran Islam merangkumi segenap aspek kehidupan manusia yang bermula dari hal-hal keagamaan, kehidupan dunia, perhubungan sesama manusia, politik dan ekonomi. Ianya merupakan agama yang direhsti oleh Allah s.w.t untuk umat manusia. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran sebagaimana firmanNya:



Maksudnya;

⁹ Syeikh Ibrahim ibn Muhammad al-Baijuri (1983), *Tuhfatul al-Murid Syarh Jauharatu al-Tauhid*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, c. II, h.63-64

¹⁰ Abu al-'A'la al-Maududi (t.t), *Towards Understanding Islam*, Terj. Elwin Siregar, Dasar Akidah Islam, Jakarta: Media Dakwah, h. 18

¹¹ Hassan Ayyub (1980), *Tabsit al-'Aqa'id al-Islamiyah*, Kuwait: Dar al-Quran al-Karim, h.41

Barangsiapa mencari agama selain agama Allah, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.¹²

Surah Ali Imran (3): 85

Pengertian Islam secara umum dan menyeluruh seperti yang digariskan oleh agama Islam sendiri iaitu penyerahan diri kepada Allah SWT. Oleh itu Islam melahirkan rasa keimanan di dalam hati dan menyatakan secara praktikal dengan ikrar *Shahadah*, mengerjakan ibadat dan melaksanakan hukum-hukum syara' dalam semua aspek kehidupan.¹³

Berdasarkan pengertian di atas, maka jelaslah bahawa kajian ini adalah berhubung dengan pemikiran tokoh tersebut kepada politik Islam di Malaysia. Politik Islam di Malaysia akan dilihat dalam perbagai aspek seperti sejarah politik di Malaysia, pentadbiran agama Islam, pendidikan Islam dan perkembangan penulisan serta persuratan Islam. Huraian lanjut berhubung dengan pengertian dan sejarah politik Islam ini akan disentuh oleh penulis di dalam bab dua.

Dalam mengkaji pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah, penulis akan melihat kegiatan-kegiatan dan tindakan-tindakan yang telah beliau lakukan sejak beliau mula memainkan peranan dan melibatkan diri dalam masyarakat. Perkara ini perlu

¹² *Al-Quran dan Terjemahannya* (1412H), Madinah Munawwarah: Mujamma' al Haramain al- Syarifain al Malik Fahd li Tiba'at Al Mushaf Al-Syarif, Madinah al-Munawwarah, h. 90

¹³ Ahmad bin Haji Mohd Salleh (1984), *Kursus Pendidikan Islam, Kelantan*: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, h. 3

diambil perhatian kerana setiap langkah yang dilakukan setiap manusia adalah bermula dan keluar dari apa yang terkandung di dalam kotak pemikiran. Penulis akan menghuraikan perkara tersebut di dalam bab yang ketiga yang merupakan bab mengenai biografi beliau.

1.3. PERUMUSAN MASALAH

Untuk mengkaji peranan yang dimainkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah dalam menyumbangkan pemikiran terhadap politik Islam di Malaysia, tumpuan yang diberikan adalah mengenai pemikiran politik beliau di negara Malaysia memandangkan kepada jasa-jasa yang terdapat di negara ini. Penulis dapat merumuskannya kepada beberapa permasalahan, di antaranya ialah:

- a) Apakah bidang pemikiran yang telah disumbangkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah kepada politik Islam di Malaysia ?
- b) Apakah bentuk pemikiran yang telah diberikan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah kepada perkembangan politik Islam sama ada secara formal atau tidak formal?
- c) Apakah jasa Ustaz Abu Bakar Hamzah dalam perkembangan politik Islam di negara Malaysia?
- d) Apakah tajuk-tajuk tulisan Ustaz Abu Bakar Hamzah sama ada dalam bentuk buku teks sekolah, buku bacaan umum dan artrikel serta kertas

kerja dalam bidang politik Islam dan sejauh manakah pemikiran penulisan beliau dalam berbagai bidang mengenai Islam dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat?

- e) Bagaimanakah cara yang digunakan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah dalam mengembangkan pengaruh dan kefahaman tentang politik Islam di kalangan masyarakat.

1.4 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Penyelidikan ini mempunyai skop dan perbatasan tertentu, antaranya :

- a) Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai Ustaz Abu Bakar Hamzah. Walaupun terdapat beberapa perkara lain yang disebut dalam disertasi ini, tetapi ianya mempunyai kaitan dengan tokoh dan perjalanan hidupnya.
- b) Penyelidikan ini adalah khusus mengenai pemikiran Ustaz Abu Bakar Hamzah kepada pemikiran politik Islam di Malaysia sama ada secara formal atau tidak formal di sepanjang tempoh penglibatan beliau dalam bidang politik di Malaysia.
- c) Penyelidikan ini secara khususnya memfokuskan kepada perkembangan politik Islam di Malaysia sahaja.

1.5 ALASAN MEMILIH TAJUK

Penulis berminat untuk meneliti, mengkaji dan mendalami riwayat hidup serta pemikiran yang telah disumbangkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah sepanjang hidupnya terhadap perkembangan politik Islam di Malaysia kerana beberapa sebab, antaranya ialah :

- a) Persoalan dalam tajuk di atas belum pernah diteliti dan dikaji oleh orang lain sebelum ini sama ada secara khusus atau menyeluruh. Oleh kerana itulah penulis merasakan perlu dibuat suatu kajian yang mendalam dan menyeluruh terhadap Ustaz Abu Bakar Hamzah dan segala sumbangannya terhadap perkembangan politik Islam di Malaysia.

- c) Pokok kajian dalam tajuk di atas dapat dilaksanakan oleh penulis untuk mengkjinya kerana terdapat banyak buku-buku tulisan beliau tentang politik Islam dan catatan mengenai sejarah hidupnya yang tersimpan di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri, Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Islam MAIK, Perpustakaan Pustaka Aman Press, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia serta beberapa koleksi individu.

d) Masih ramai tokoh-tokoh politik Islam yang telah banyak menabur jasa kepada agama dan negara telah dilupai oleh masyarakat terutama generasi muda. Dengan kajian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada masyarakat agar jasa mereka dapat dikenang dan diteladani. Lantaran itu, menjadi tanggungjawab para politikus, ulama' dan para pengkaji dalam bidang pengajian Islam untuk memperjelaskan kepada masyarakat tentang konsep politik Islam yang sebenarnya supaya mereka sensitif terhadap sesuatu perkara yang melibatkan dosa dan pahala serta cenderung kepada politik Islam dan semua perkara yang baik yang diiktiraf oleh Islam

1.6 OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan selain dari memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Usuluddin dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya ianya juga bertujuan untuk mengetahui perkara-perkara berikut :

- a) Untuk menyingkap sejarah hidup Ustaz Abu Bakar Hamzah.

- b) Untuk mengetahui corak pemikiran yang diberikan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah kepada perkembangan politik Islam di Malaysia.

- d) Untuk mengetahui gagasan pemikiran Ustaz Abu Bakar Hamzah tentang politik Islam.

1.6.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kerana :

- a) Sebagai bahan informasi kepada masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan.
- b) Sebagai bahan informasi kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tentang Ustaz Abu Bakar Hamzah dan sumbangannya kepada masyarakat Malaysia serta perkembangan politik Islam di Malaysia.
- c) Sebagai sumbangan penulis dalam khazanah ilmu pengetahuan khususnya berhubung dengan apa yang diselidiki.
- d) Untuk penambahan wawasan berfikir dan sebagai latihan dalam menjalani penyelidikan ilmiah berhubung dengan perkara yang dikaji.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang utama dan merupakan teknik terpenting bagi mendapatkan data dan fakta yang bersangkutan secara sistematis dan kolektif. Apabila sesuatu kajian itu menggunakan metodologi yang tepat dan sesuai maka sebuah penelitian yang berkualiti dan bermutu akan dapat dihasilkan. Sebelum penulis memaparkan metode-metode yang digunakan di dalam penyelidikan ini, terlebih dahulu perlu diketahui apakah yang dimaksudkan dengan metodologi penyelidikan.

Perkataan metodologi berasal dari bahasa Yunani Kuno, ianya terdiri dari dua kalimah iaitu “methodos” dan “logos” . Perkataan *methodos* membawa erti jalan atau cara dan *logos* pula memberi pengertian sebagai ilmu mengenai sesuatu. Dalam bahasa Inggeris disebut “method”. Ia bererti sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah.¹⁴ Perkataan ini juga digunakan di dalam bahasa Melayu dengan pengertian yang sama. Dalam penggunaan biasa, metode bererti kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, bentuk, corak, aturan, cara dan sistem.¹⁵ Dengan itu, metode ialah cara atau jalan untuk melakukan sesuatu.¹⁶

¹⁴ Khalid M. Hussain (1999), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, c. XIII, , h. 781

¹⁵ Haji Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., c. I, h. 161

¹⁶ Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P T Gramedia, h. 7

Manakala perkataan “ penyelidikan ” yang dalam bahasa Inggerisnya disebut *research* ialah suatu usaha untuk mencari penyelesaian terhadap suatu persoalan dengan menggunakan disiplin ilmiah. Pengertian ini dijelaskan oleh Koentjaraningrat dalam tulisannya *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah* : “... sedangkan usaha untuk dengan sengaja menangkap gejala-gejala tadi berdasarkan disiplin metodologi ilmiah dengan tujuan menemukan prinsip-prinsip baru di belakang gejala-gejala tadi, disebut penelitian”.¹⁷ Dalam bidang penyelidikan ilmiah metodologi bererti tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru.¹⁸

Ianya bersangkutan dengan masalah cara kerja. Melalui cara kerja ini objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan dapat difahami.¹⁹ Menurut Prof. Imam Barnadib, maksud metode penyelidikan itu ialah ilmu tentang cara mengadakan penyelidikan.²⁰

Setelah disentuh pengertian metode penyelidikan, sekarang penulis mengemukakan bentuk penyelidikan dan metode-metode yang digunakan di dalam penyelidikan ini. Secara umumnya penulis telah menggunakan dua metode, iaitu metode pengumpulan data dan metode analisa data.

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

¹⁷ *Ibid.* , hal. 13.

¹⁸ Ahmad Mahdzan ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3

¹⁹ Koentjaraningrat (1983), op. cit., h. 7.

²⁰ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

Dalam usaha mengumpulkan data-data yang bersangkutan dengan kajian ini, penulis telah menganalisa data-data yang terkumpul kemudian data tadi diproses serta disusun semula untuk dijadikan sebuah laporan lengkap dalam bentuk sebuah disertasi sarjana. Keadaan ini penting kerana penelitian membawa erti usaha-usaha yang dilakukan dengan cara dan penafsiran terhadap data yang terkumpul.²¹ Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan penulis menggabungkan beberapa metode dengan melakukan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Penyelidikan Perpustakaan (*Library research*) dan Penyelidikan Lapangan (*field Research*).

a) Penyelidikan Perpustakaan

Kajian ini banyak bergantung kepada penyelidikan perpustakaan kerana ianya berkaitan dengan sejarah perkembangan politik di Malaysia, sejarah hidup tokoh yang dikaji dan hasil peninggalan beliau. Penulis melakukan kajian terhadap objek-objek penyelidikan di perpustakaan dan koleksi simpanan individu untuk memperolehi data-data yang diperlukan. Data-data dan maklumat tersebut diperolehi oleh penulis dengan mengkaji dan membaca bahan-bahan rujukan seperti buku-buku, jurnal sejarah, majalah dan warta kerajaan serta karya hasil peninggalan tokoh.

²¹ Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1986), “*Falsafah Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia*”, (Disertasai PHD , IAIN Sunan Kalijogo, Yogyakarta), h. 111.

Menurut Sartono Kartodirdjo, sejumlah besar data yang telah tersedia adalah berbentuk verbal seperti yang terdapat dalam surat-surat, catatan harian (*journal*), kenangan-kenangan (*memoirs*), laporan-laporan dan sebagainya... kumpulan data verbal yang berbentuk tulisan ini disebut dokumen.²²

Untuk memperoleh bahan-bahan tersebut penulis menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di negeri Kelantan seperti perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya di Nilam Puri, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awan Kuala Krai, Perpustakaan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Islam MAIK, Perpustakaan Pustaka Aman Press, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia serta beberapa koleksi individu.

b) Penyelidikan Lapangan

Selain daripada penyelidikan perpustakaan, penyelidikan lapangan juga digunakan bagi melengkapi kajian ilmiah ini. Ia bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi informen atau objek yang menjadi sasaran kajian untuk dikaji dan diteliti serta dibuat perumusan dan kesimpulan yang perlu. Ianya juga termasuklah pengalaman seorang peneliti dengan membuat perbandingan secara langsung. Dalam konteks ini penulis mestilah mendatangi

²² Sartono Kartodirdjo (1983), “Metode Penggunaan Bahan Dokumen”, dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat, Jakarta: PT Gramedia, h. 46.

tempat kajian untuk pengamatan secara langsung dengan lebih jelas lagi mengenai objek penelitian.²³

Koentjaraningrat dalam tulisannya yang bertajuk *metode wawancara* menjelaskan bahawa metode ini mencakupi cara yang dipergunakan oleh seseorang untuk tujuan suatu tugas tertentu, mencuba mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden.²⁴

Untuk mendapatkan nota-nota yang bersangkutan dengan tajuk kajian ini, penulis telah melakukan interview dengan informen yang dapat memberi maklumat yang diperlukan, antara mereka yang ditemubual ialah Ustaz Ibrahim bin Mat Ali, Ustaz Abdul Kadir Bin Mamat, Prof Madya Ustaz Mohamad Kamil bin Abdul Majid, Prof Madya Dr. Fakhrudin bin Abd Mukti dan ramai lagi. Mereka ini dijadikan sebagai informen pangkal dalam mencari maklumat dan data-data selanjutnya mengenai kajian ini.

Selain daripada Penyelidikan Perpustakaan dan Penyelidikan Lapangan, proses pengumpulan data juga menggunakan beberapa metode penting yang lain bagi mendapatkan informasi yang diperlukan di dalam kajian ini, iaitu :

I. Metode Historis

²³ Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, h. 129.

²⁴ Koentjaraningrat (1983), op. cit, h. 129.

Louis Gottschalk di dalam karyanya yang berjudul *Understanding History*, telah memberikan satu gambaran yang jelas mengenai metode pensejarahan (Historis). Beliau mengatakan bahawa metode sejarah adalah proses menguji dan menganalisa secara kritis rakaman dan peninggalan masa lampau.²⁵ Bagi memperjelaskan lagi apa yang dimaksudkan dengan metode pensejarahan ini, Gilbert J. Garraghan misalnya telah mentakrifkan metode sejarah itu sebagai, “..... sekumpulan prinsip dan peraturan yang sistematik bertujuan membantu usaha mengumpul sumber-sumber sejarah dengan berkesan, meneliti dan mengkaji sunber-sumber tersebut dengan kritis dan menentangkan suatu sentesis (umumnya dalam bentuk penulisan) daripada hasil-hasil yang diperolehi.”²⁶

Dalam konteks kajian ini, penulis membuat beberapa penelitian terhadap riwayat hidup tokoh yang dihuraikan pada bab dua begitu juga sejarah terhadap perkembangan politik Islam pada zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat, zaman kegembilangan Islam dan perkembangan politik Islam di Malaysia dalam bab tiga dari berbagai sudut.

II. Metode Dokumentasi

²⁵ Louis Gottschalk (1957), *Understanding History : A Primer of Historical Method*, Terjemahan Nugroho Notosusanto, T.T.P. : Yayasan Penerbitan Universitas Indonesia, h. 32.

²⁶ Muhd Yusuf Ibrahim (1997), *Ilmu sejarah : Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 145. Dipetik dari G.J. Garraghan (1948), *A Guide to Historical Method*, T.T.P. : S.J. Fordham University Press, c. 2 , h. 33.

Metode dokumentasi adalah proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah-masalah yang diteliti.²⁷ Dokumen pula bererti setiap proses pembuktian yang didasarkan atas jenis apa pun, baik yang bersifat tulisan, lisan, gambaran, atau arkeologis.²⁸

Dalam penelitian penulisan, penulis menggunakan metode ini terhadap dokumen-dokumen yang berhubung kait dengan objek yang dikaji bagi mendapatkan data-data dalam hampir semua bab. Selain daripada mentelaah buku-buku, majalah, jurnal, akhbar dan karya-karya tulisan tokoh, pengumpulan dokumen juga mengambil kira kesahihan dan keboleh percayaan dokumen yang dikaji. Pun begitu dari dokumen-dokumen yang diperolehi ianya diolah dan dibuat perbandingan dan ditarik kesimpulan yang dikira mempunyai hubungan dengan kajian.

Dokumen-dokumen peninggalan tokoh yang begitu banyak seperti tulisan-tulisan beliau dalam bentuk buku, artikel dan kertas kerja telah dibaca, dikaji dan dianalisa serta dibuat kesimpulan mengenainya pada bab lima.

Dalam usaha mengumpul dokumen-dokumen tersebut penulis telah menghadapi beberapa kesukaran, antaranya terdapat beberapa syarikat

²⁷ Charles Issawi (1962), *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, Terj : Dr. Ali Mukti, Jakarta : Tinta Mas, h. 36.

²⁸ Louis Gottschalk (1975), op.cit, h. 38.

yang mencetak buku tulisan Ustaz Abu Bakar Hamzah tidak menyimpan naskah asalnya malah ada diantaranya yang membakar naskah tersebut. Usaha pengumpulan itu akhirnya berjaya dilakukan oleh penulis dengan bantuan ahli keluarga, sahabat handai serta beberapa orang anak muridnya yang ada menyimpan tulisan beliau. Bagi memiliki dokumen-dokumen berkenaan untuk disimpan, penulis telah membuat salinan fotostat.

1.7.2 Metode Analisa Data

Setelah data-data dikumpulkan penulis telah menggunakan beberapa metode atau pola berfikir untuk menganalisa data-data tersebut, antara metode penganalisaan data yang digunakan ialah :

- I. Metode Induktif
- II. Metode Deduktif
- III. Metode Komparatif

I. Metode Induktif

Perkataan induktif berasal daripada bahasa Latin, *Inducere* bermaksud “membawa atau menuju kepada”. Pemikiran induktif biasanya menuju daripada pernyataan khusus kepada pernyataan umum.²⁹ Mengikut

²⁹ Mohd Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 103.

Prof. Imam Bernadib dalam bukunya *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Metode induktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.³⁰

II. Metode Deduktif

Perkataan deduktif juga berasal daripada bahasa Latin, iaitu *Deducere* yang membawa erti “membawa atau menuju daripada”. Hujah deduktif biasanya menuju daripada pernyataan umum kepada pernyataan khusus.³¹

Metode deduktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.³²

Kedua-dua metode ini digunakan oleh penulis dalam mencari jawapan kepada beberapa soalan dan kaitan antara data-data yang dikumpul.

III. Metode Komparatif

Iaitu membuat perbandingan di antara satu data dengan yang lain untuk

³⁰ Imam Bernadib (1982), op.cit. h. 52-53.

³¹ Mohd Michael Adullah (1995), loc. Cit

³² Imam Bernadib (1982), loc. Cit.

menghasilkan satu kesimpulan yang seimbang dan jelas. Secara jelasnya, metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan antara data dan fakta yang diperolehi.

Penulis menggunakan metode ini dalam mencari kesimpulan dan kemasukan lain mengenai maklumat yang telah diperolehi dari para informen dan responden agar data-data yang dilaporkan itu menjadi suatu yang valid dan boleh dipercayai.

1.8 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Politik Islam bukanlah merupakan satu cabang ilmu yang baru, bahkan disiplin ilmu ini telah berkembang ke seluruh dunia sejak zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w dan para sahabat lagi. Karya atau kajian berkenaan dengan pemikiran tokoh-tokoh politik Islam juga telah banyak dijalankan seperti pemikiran politik Islam Dato' Haji Fadzil Mohd Noor dan lain-lain.

Namun begitu, kajian berkenaan dengan Ustaz Abu Bakar Hamzah masih berada dalam peringkat awal dan masih kurang dijalankan. Terdapat satu kajian yang dapat dijadikan rujukan oleh penulis ialah sebuah buku yang dikarang oleh Dr. Alias Mohamad (UKM) yang bertajuk *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan* dan satu lagi kajian ilmiah yang disusun oleh Mohd Zali Shari yang bertajuk *Biografi Politik Tuan Haji Abu Bakar Bin Hamzah*. Walaubagaimanapun, karya ini banyak membicarakan

tentang biografi Ustaz Abu Bakar Hamzah tetapi tidak membincangkan tentang pemikiran politik Islam beliau.

Setakat ini, masih belum ditemui kajian yang membincangkan tentang pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah secara sistematik dan tersusun. Kebanyakkannya artikel sama ada dari surat khabar atau artikel di internet pula lebih cenderung membincangkan bioadata, jasa, pengorbanan serta sumbangan beliau dalam bidang politik.

Disini, penulis akan cuba meneruskan kajian pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah secara lebih mendalam dan diharap dapat memberikan hasil atau panduan yang tersusun berkenaan pemikiran politik Islam yang digunakan oleh beliau.

1.9 SUSUNAN PENULISAN

Secara umumnya, penulisan ini disusun secara sistematik mengikut susunan sebuah disertasi yang telah digariskan oleh peraturan penulisan disertasi ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2001.³³ Penulis telah membahagikan disertasi ini kepada tiga bahagian iaitu : (1) Pendahuluan atau *Preliminari*, (2) Teks, (3) Tambahan atau *Suplementari*. Setiap bahagian mengandungi beberapa pecahan kecil yang akan diterangkan dibawah ini.

³³ Ab. Mu'min bin Ab. Ghani (et.al) (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/ disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001, 8-12.

Bahagian Pertama : Pendahuluan / Preliminari

Pada bahagian pendahuluan mengandungi perkara berikut :

Halaman Judul, Abstrak, Penghargaan, Isi Kandungan Disertasi, Senarai Jadual, Senarai Kependekan atau tatanama dan panduan Transliterasi.

Bahagian Kedua : Teks

Bahagian teks disertasi ini dibahagikan kepada beberapa pecahan kecil, setiap pecahan itu dinamakan bab. Disertasi ini mengandungi enam bab kesemuanya. Di bawah ini diuraikan secara ringkas isi kandungan bab-bab tersebut.

Bab Pertama : Adalah merupakan bab pendahuluan, di mana penulis telah memasukkan dalam bab ini latar belakang kajian yang merangkumi pengenalan ringkas mengenai tokoh dan tempat yang dijadikan subjek atau kajian. Di sini, penulis menerangkan secara ringkas tentang politik Islam di Malaysia dari berbagai aspek. Dalam bab ini juga, penulis menghuraikan pengertian tajuk, perumusan masalah, skop dan batasan kajian, alasan memilih tajuk, tujuan dan kepentingan kejelian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab Kedua : Pada bab kedua, penulis membincarkan mengenai perkembangan politik Islam pada zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan pada zaman kegemilangan Islam. Seterusnya penulis membincarkan pula tentang perkembangan politik Islam di Malaysia. Penulis memulakan perbincangan dengan menyentuh politik Islam pada zaman Rasulullah s.a.w secara umum kemudian diakhiri dengan sejarah perkembangan politik Islam di Malaysia yang merangkumi pentadbiran, pendidikan, ekonomi dan penerimaannya oleh masyarakat.

Bab Ketiga : Pada bab ini penulis menghuraikan tentang biografi Ustaz Abu Bakar Hamzah, meliputi; sejarah hidup, keluarga, sifat-sifat keperibadian beliau, latarbelakang pendidikannya di tanah air dan di Eropah, kerjaya, penulisan dan penglibatan politik yang diceburi sebelum melanjutkan pelajaran di Eropah dan setelah pulang ke tanah air serta jasa-jasa beliau kepada masyarakat dan negara serta peristiwa kematian Allahyarham.

Bab Keempat : Ia merupakan analisa data yang diperolehi. Pada bab ini penulis membicara dan menganalisa pemikiran politik Ustaz Abu Bakar Hamzah bermula dari pemikiran beliau mengenai perlombagaan Islam sehingga kepada polisi beliau mengenai pendidikan Islam. Dalam bab ini penulis akan membincarkan pemikiran politik Ustaz Abu Bakar Hamzah secara mendalam serta mengajinya dari sudut politik dan sumbangannya kepada perkembangan politik Islam di Malaysia pada hari ini.

Bab Kelima : Merupakan kesimpulan dan bab penutup yang diperolehi daripada pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah. Pada bab ini penulis membahagikan kepada empat sub tajuk ; pertama mengenai kesimpulan umum, kedua merupakan kesimpulan secara khusus mengenai pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah, ketiga merupakan saranan-saranan dan yang keempat ialah kata penutup dari penulis.

BAB KEDUA

SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA

2.1 PENDAHULUAN

Pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah semestinya mempunyai pertalian dengan politik Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. Ini kerana politik Islam bermula pada zaman tersebut dan berterusan sehingga ke hari ini. Ianya berpaksikan al-Quran dan al-sunnah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Dengan sebab inilah penulis ingin membicarakan dengan ringkas di dalam bab ini tentang politik Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan para tabi'in kerana ianya berhubung kait dengan pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah.

Sejarah perkembangan politik Islam merupakan satu perkara yang berkait rapat dengan perkembangan dan ketamadunan agama Islam. Ini kerana politik Islam wujud apabila tersebar dan tertegaknya negara Islam yang pertama di Madinah yang dipimpin sendiri oleh Rasulullah s.a.w.³⁴ Sistem pemerintahan yang digunakan pada masa tersebut

³⁴ Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2004), *Sains Politik Islam*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 3

menunjukkan Islam adalah agama yang tidak memisahkan antara apa yang disebut “agama” dan apa yang dikatakan “politik”. Agama Islam merupakan agama yang lengkap dan meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuklah politik.³⁵ Prof. R. Strothmann di dalam The Encyclopedia of Islam ada mengatakan “Islam adalah satu fenomena agama dan politik kerana pembangunnya adalah seorang nabi yang juga seorang politikus yang bijaksana atau seorang negarawan.”³⁶

Politik Islam merupakan satu sistem pemerintahan yang bermula dari zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. dan merupakan satu contoh serta ukuran yang harus dilihat, diteliti dan dikaji serta wajib diguna pakai dengan cara yang betul dan telus oleh masyarakat Islam di seluruh dunia. Konsep politik Islam yang dibawa dan diajarkan oleh Rasulullah s.a.w merupakan sebaik-baik sistem politik yang diamalkan di dunia ini dan Al-Quran merupakan sumber utama falsafah politik Islam. Kewujudan seseorang pemimpin masyarakat Islam adalah satu keperluan yang wajib dipenuhi.³⁷ Ianya berdasarkan kepada firman Allah Taala:



³⁵ Golam W.Choudhury (1993), *Islam and The Modern Muslim World*, Essex England: Scorpion Publishing Ltd, h. 40

³⁶ M. Dhauddin Rais, Dr. (2001), *Teori Politik Islam*, Jakarta: Gema Insani Press, h.6

³⁷ Al-Mawardi, ‘Ali bin Muhammad (t.t), *Al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayah al-Diniyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyah, h.5.

Surah al-Nisa' (4): 59

Maksudnya;

Wahai orang-orang yang beriman! taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan juga kepada pemimpin dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berselisihan dalam sesuatu perkara maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok kesudahannya.³⁸

Kerajaan Islam yang pertama telah ditubuhkan dan dipimpin oleh Rasulullah s.a.w di Madinah setelah Perlembagaan Madinah dimeterai pada tahun 622 masihi.³⁹ Perlembagaan tersebut merupakan satu dokumen yang penting dalam sejarah politik Islam bagi membentuk sebuah negara Islam yang tulus. Dengan perlembagaan ini

³⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *op. cit.* hal. 163

³⁹ Prof. Madya Dato' Hj. Mohd Mokhtar Hj. Shafie (1993), *Sejarah Keagungan Islam*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 167.

penduduk-penduduk Islam di Madinah telah diletakkan di bawah satu panji dalam kesatuan politik yang taat kepada pemerintah di bawah kerajaan yang dipimpin sendiri oleh nabi Muhammad s.a.w.

2.2 PENGERTIAN POLITIK

Perkataan “politik” bermaksud ilmu berkaitan dengan cara pemerintahan, ilmu siasah dan ilmu kenegaraan. Ia juga bermaksud segala sesuatu yang berkaitan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain. Selain itu ia juga bererti kelicikan,muslihat dan tipu muslihat.⁴⁰

Menurut Dr. Abdul Aziz Izzat Al-Khiyat politik atau disebut dalam bahasa Arab sebagai “siasah” berasal dari perkataan “*sasa*” yang bererti mengatur, mengurus, menyuruh dan melarang.⁴¹ Beliau juga turut membahagikan politik kepada dua pecahan iaitu :

- a) Politik adil yang terbit dari kebenaran daripada kezaliman serta kejahatan.

Ianya terbit daripada hukum-hukum tentang pengetahuan syariah. Selain itu,

⁴⁰ Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1049.

⁴¹ Abdul Aziz Izzat Al-Khiyat, Dr. (1999), *Al-Nizham Al-Siasah fī Al-Islam*, Kaherah: Dar Al-Salam, h.21.

politik adil juga merupakan urusan pemerintahan yang bersungguh-sungguh bagi membahagiakan masyarakat dan mewujudkan kemaslahatannya berpandukan dasar-dasar syariah dan usulnya secara keseluruhan.

- b) Politik Zalim yang diharamkan oleh syariah. Sistem politik ini lebih cenderung kepada hawa nafsu dan perancangan bersama kepentingan khusus atau peribadi tanpa memberikan hak yang sepatutnya kepada masyarakat daripada ditimpa bahaya kesusahan dan kesakitan.⁴²

Pada masa sekarang, kebanyakkan sistem politik di negara-negara umat Islam di dunia ini bermula dan terikut-ikut dengan cara nasionalisme yang dibawa oleh puak zionis Yahudi.⁴³ Nasionalisme merupakan satu konsep yang berlawanan dengan sistem Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w iaitu sistem politik yang berlandaskan syarak. Dalam hal ini Syafiiyyah ada menegaskan bahawa “Sesungguhnya tiada politik melainkan berlandaskan serta bersama-sama syarak dengan makna sesungguhnya politik itu tidak boleh bercanggah dengan apa yang telah dibawa oleh syarak”.⁴⁴

Secara ringkasnya, Politik Islam merupakan pengurusan hal ehwal seluruh umat Islam dan bukan Islam yang bernaung dengan aman di dalam sebuah Negara Islam. Ia merujuk kepada pemerintahan bagi sesebuah negara yang mengamalkan pemerintahan Islam.

⁴² *Ibid*, h.23.

⁴³ Abdullah Nasih Ulwan (2002), *Al-Khaumiyyah Fi Mizani Al-Islam*, Kaherah: Dar As-Salam, h. 9

⁴⁴ Abdul Aziz Izzat Al-Khiyat, Dr. (1999), *Al-Nizham Al-Siasah fi Al-Islam*, Kaherah: Dar Al-Salam, h.22

2.3 PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM

2.3.1 ZAMAN RASULULLAH SAW.

Rasulullah s.a.w merupakan tokoh dan pengasas kepada politik Islam. Beliau telah memantapkan kedudukan politik Islam dengan mengasaskan Piagam Madinah iaitu perlembagaan Negara Islam Madinah selepas mendirikan Masjid Nabawi di Madinah.⁴⁵

Piagam ini mempunyai perjanjian di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar serta seluruh penduduk Madinah yang berbilang kaum seperti Aus, Khazraj, Yahudi, Bani Quraizah, Bani Qainuqa' dan Bani Nadir. Secara keseluruhannya, piagam ini menyentuh perkara-perkara seperti:-

- a) Al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber undang-undang negara.

⁴⁵ Muhammad Said Ramadan al-Buthi, Dr. (1999), *Fiqh Sirah Al-Nabawiyah*, Kaherah: Dar Al-Salam, h. 142

- b) Kesatuan ummah dan negara. Ini menjadikan orang-orang Yahudi dianggap sebagai ummah bersama orang-orang Islam. Mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama untuk menjaga negara.
- c) Kebebasan bergerak dan tinggal di Madinah.
- d) Hak dan tanggungjawab dalam mempertahankan negara.
- e) Hubungan kebijakan diantara warganegara.
- f) Tanggungjawab menegak keadilan sosial.
- g) Undang-undang keselamatan
- h) Kebebasan beragama.
- i) Tanggungjawab negara terhadap warga Negara bukan Islam.
- j) Kewajipan semua pihak terhadap perdamaian.

Perlembagaan tersebut telah berjaya merubah sama sekali prinsip fanatik kepada suku dan bangsa dikalangan masyarakat Arab yang telah melahirkan ketegangan yang berpanjangan kepada keadaan kehidupan yang aman dan

harmoni. Segala aktiviti buruk dan kebangkitan Yahudi serta para Munafiqin di Madinah dapat dibendung. Mana-mana golongan yang melanggar perjanjian tersebut akan dihukum. Rasulullah s.a.w telah diakui sebagai ketua negara dan dibantu oleh ahli-ahli syura yang lain.⁴⁶

Untuk melicinkan pentadbiran wilayah-wilayah lain yang berada di bawah kekuasaan pemerintahan Islam, beginda telah melantik beberapa orang sahabat sebagai gabenor, pemungut cukai dan para hakim. Antara para sahabat yang dilantik menjadi pembantu beliau ialah Saidina Ali, Muaz bin Jabal dan sebagainya.⁴⁷

Pada masa tersebut, terbuktilah bahawa kepimpinan Rasulullah s.a.w membawa keamanan dan kebahagiaan serta rahmat bagi sekalian alam walaupun masyarakat pada zaman itu berbilang bangsa dan agama. Ianya tidak menghalang Baginda untuk mewujudkan sebuah Negara Islam dimana hukum-hakam Islam berdaulat di dalamnya.⁴⁸ Ianya berdasarkan firman Allah SWT;

Surah al-Anbiya' (21): 107

Maksudnya:

⁴⁶ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), "Sejarah dan Tamadun Islam", Alor Star Kedah: Pustaka Darussalam, hal. 96.

Darussalam, Ha

⁴⁸ *Ibid.* hal 95.

*“Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad),
melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”⁴⁹*

Kecemerlangan politik Islam yang dibina dan dibawa oleh Rasulullah s.a.w tidak terhenti dengan kewafatan baginda. Malah tugas-tugas untuk membina dan memperkuatkan lagi umat Islam telah diteruskan oleh para sahabat baginda yang digelar al-Khulafa’ al-Rasyidin. Mereka ialah;

- I. Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a (632-634 M)
- II. Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a (634-644 M)
- III. Khalifah Uthman ibn al-Affan r.a (644-655 M)
- IV. Khalifah Ali ibn Abi Talib k.w (655-660 M)

Perkataan khalifah berasal dari bahasa arab “*khalafa*” yang bererti yang menggantinya.⁵⁰ Mereka merupakan pengganti Rasulullah s.a.w untuk mengetuai kepimpinan agama dan keduniaan. Mereka ini tidak dilantik oleh Rasullullah s.a.w, akan tetapi mereka telah dipilih oleh umat Islam selepas wafatnya Rasulullah s.aw.⁵¹

2.3.2 Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a (632-634 M)

⁴⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *op. cit.* hal. 687

⁵⁰ Muhammad Idris ‘Abd al- Rauf Al-Marbawi (t.t), “*Kamus Idris al-Marbawi*”,: Dar al-Fikr, c. 5, hal. 186

⁵¹ Muhammad Said Ramadan al-Buti, Dr. (1999), *op cit* h. 351.

Perlantikan Sayidina Abu Bakr al-Siddiq sebagai khalifah yang pertama berlaku secara syura. Ianya bertepatan dengan firman Allah S.W.T:



Surah al-Syura (42) : 38

Maksudnya;

“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka, dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang kami berikan kepadanya.”⁵²

Semasa permulaan pemerintahan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a, beliau telah meneruskan usaha Rasulullah s.a.w dengan mengirim tentera ke Syiria yang diketuai oleh Usamah bin Zaid. Ianya bertujuan untuk melindungi orang-orang

⁵² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *op. cit.* hal. 1062.

Islam dari ancaman Rom dan Parsi yang telah bangkit semula setelah mendengar kewafatan Rasulullah s.a.w.⁵³

Antara usaha-usaha yang telah dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a yang dapat diambil manfaat oleh umat Islam sehingga hari ini ialah proses pembukuan al-Quran al-Karim. Atas cadangan Umar ibn al-Khattab r.a yang disetujui oleh Abu Bakr al-Siddiq r.a maka ditugaskan Zaid bin Thabit untuk mengumpul dan membukukan al-Quran. Usaha tersebut memakan masa selama setahun dengan cara menemui para huffaz serta mengambilnya dari catatan-catatan.⁵⁴

Pemerintahan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a adalah sangat singkat iaitu selama dua tahun, tiga bulan dan tiga hari. Beliau meninggal dunia semasa beliau berusia 63 tahun pada tahun 13 H dan dikafarkan di rumah Sayyadatina Aishah r.a bersebelahan dengan makam Rasulullah s.a.w.⁵⁵

2.3.3 Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a (634-644 M)

Umar ibn al-Khattab r.a dilantik menjadi khalifah pada hari yang sama setelah wafatnya khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a pada tahun 13 H. Beliau dilantik menjadi khalifah berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a semasa beliau sakit di penghujung usia. Cadangan ini

⁵³ Muhammad Said Ramadan al-Buti, Dr. (1999) *Op.cit.* hal 351.

⁵⁴ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 138.

⁵⁵ Muhammad Said Ramadan al-Buti, Dr. (1999), *op cit* h. 353.

dipersetujui dan disepakati oleh para sahabat yang lain termasuklah Uthman ibn al-Affan r.a dan khalifah Ali ibn Abi Talib k.w.⁵⁶

Sepanjang pemerintahannya dalam tempoh 10 tahun, beliau telah berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam semua dasar-dasarnya disamping dapat mengukuhkan kedudukan kaum muslimin di Madinah. Berdasarkan prinsip syura, khalifah Umar ibn al-Khattab r.a telah membentuk Majlis Syura atau Majlis Perundangan Negara yang melibatkan tokoh-tokoh seperti Uthman ibn al-Affan, Ali ibn Abi Talib, Zaid bin Thabit, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Waqqas dan Muaz bin Jabal.⁵⁷

Disamping itu untuk melicinkan pentadbiran wilayah, Umar ibn al-Khattab telah melaksanakan dasar disentralisasi dengan membahagikan negara kepada lapan wilayah iaitu⁵⁸:

- i. Madinah sebagai pusat pemerintahan.
- ii. Hijaz dengan ibu negerinya Makkah.
- iii. Syam / Syria dengan ibu negerinya Damsyik.
- iv. Iran dengan ibu negerinya Basrah.
- v. Iraq dengan ibu negerinya Kufah.
- vi. Mesir dengan ibu negerinya Fustat.
- vii. Palestin dengan ibu negerinya Jerusalem.

⁵⁶ *Ibid.* hal 354.

⁵⁷ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 143.

⁵⁸ *Ibid.* hal 143.

viii. Jazirah / dengan ibu negerinya Hems.

Beliau telah menjalankan pentadbiran di wilayah-wilayah tersebut dengan cara perasingan kuasa iaitu para qadi diberi kebebasan untuk menjalankan tugas-tugasnya tanpa terikat kepada kuasa politik.

Dasar perluasan kuasa juga diperkenalkan pada zaman pemerintahan khalifah Umar ibn al-Khattab r.a. Antara wilayah yang berjaya ditaklukinya ialah Bait al-Muqaddis pada tahun pertama pemerintahannya. Kemudian beliau berjaya menakluki Damsyik pada tahun 14 H. Selain itu beliau juga telah berjaya menakluki Negara Mesir, Afrika Utara, Eropah Barat, Byzantine, Empayar Rom dan Parsi serta beberapa negara yang lain.⁵⁹

Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a juga merupakan orang yang pertama menubuhkan Bait al-Mal atau perbendaharaan Negara. Ianya berperanan sebagai tempat simpanan kesemua harta kerajaan. Sumber utama kewangan negara pada masa tersebut ialah hasil zakat, cukai tanah, cukai kepala serta harta rampasan perang.⁶⁰

Tentang ketenteraan pula, khalifah Umar ibn al-Khattab r.a telah membahagikan tentera Islam kepada dua bahagian iaitu mereka yang bertugas sepenuh masa dan orang-orang awam yang dapat dikerah pada masa-masa

⁵⁹ Muhammad Said Ramadhan al-Buthi, Dr. (1999), *op cit* h. 358.

⁶⁰ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op.cit.* hal 143.

tertentu.⁶¹ Sebagai tentera sepenuh masa, mereka mendapat gaji tetap serta kemudahan-kemudahan sampingan yang lain sementara orang-orang awam yang dikerah pada masa-masa tertentu diberikan habuan tanah.

Dari segi pendidikan, beliau telah menubuhkan pusat-pusat pengajian Islam di kota Basrah, Fustat dan sebagainya. Guru-guru agama telah dihantar ke pusat-pusat ini sementara imam-imam diadakan di masjid-masjid.⁶² Pada bulan Rabi' al-Awwal tahun 16 H, Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a buat kali pertamanya mengadakan kelendar Islam sendiri yang bermula dari peristiwa penghijrahan Nabi ke Madinah selepas bermesyuarat dengan Saidina 'Ali ibn Abi Talib k.w.⁶³

Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a meninggal dunia pada tahun 23 H bersamaan 644 M. Beliau meninggal dunia akibat dibunuh oleh seorang hamba berbangsa Parsi dan beragama Kristian yang bernama Abd al-Mughirah atau lebih dikenali sebagai Abu Lu'luah. Pemuda tersebut merupakan hamba kepada al-Mughirah bin Abi Syukbah.⁶⁴

2.3.4 Khalifah Uthman ibn al-Affan r.a (644-655 M)

⁶¹ *Ibid.* hal 144.

⁶² *Ibid.* hal 145.

⁶³ Muhammad Said Ramadhan al-Buthi, Dr. (1999), *op cit* h. 358.

⁶⁴ *Ibid.* hal 359.

Setelah kematian Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a, pada tahun 644 M, maka Saidina Uthman ibn al-Affan r.a pula dilantik memegang jawatan khalifah. Ketika Umar sedang sakit akibat tikaman maka sahabat-sahabat besar telah datang berunding dengannya mengenai pengganti jawatan khalifah. Saidina Umar r.a tidak mahu menentukan kepada seorang calon, tetapi telah menamakan enam orang calon untuk dipilih. Dalam mesyuarat yang diadakan selepas wafatnya Saidina Umar ibn al-Khattab r.a, pemilihan telah jatuh kepada Saidina Uthman ibn al-Affan r.a.⁶⁵

Saidina Uthman ibn al-Affan r.a mempunyai peribadi yang lemah lembut. Zaman pemerintahan khalifah Uthman dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu enam tahun pertama yang mana suasana pada masa tersebut agak aman dan tenteram. Pada enam tahun berikutnya suasana pemerintahan beliau bertukar menjadi huru-hara serta berlaku pemberontakan terhadap pemerintahannya akibat daripada tuduhan yang dilemparkan oleh seorang Yahudi munafik yang bernama Abdullah bin Saba'.⁶⁶

Semasa zaman permulaan pemerintahan beliau, Saidina Uthman ibn al-Affan r.a telahpun berjaya menumpaskan pemberontakan di wilayah-wilayah yang ditakluki pada zaman khalifah Umar al-Khattab seperti di Khurasan,

⁶⁵ Mohd Mokhtar Shafie (1993) *Sejarah Keagungan Kerajaan Islam*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 339

⁶⁶ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 150.

Iskandariyah, Armenia dan Azerbaijan.⁶⁷ Dengan sebab inilah pemerintahan beliau menjadi aman dan damai pada peringkat awal.

Selain itu beliau juga telah berjaya mengembangkan agama Islam dan telah menakluki beberapa daerah seperti Jurjan, Talkan dan Balkh. Malah beliau juga berjaya menguasai sehingga melampaui sungai Jihun. Pulau-pulau di Cyprus dan Rhodes juga berada dibawah jajahannya.⁶⁸

Usaha dan jasa yang besar khalifah Uthman ibn al-Affan r.a yang dapat dilihat oleh semua umat Islam pada hari ini ialah penyalinan semula al-Quran. Ianya berdasarkan mashaf yang telah dibukukan oleh khalifah Abu Bakr r.a yang mana pada masa tersebut ianya disimpan oleh Hafsah. Faktor ini berlaku kerana wujudnya pertelingkahan orang-orang Syam dengan orang-orang Iraq mengenai bacaan al-Quran. Dalam perkara ini, Zaid bin Thabit sekali lagi telah diminta mengetuai tugas penyusunan al-Quran berdasarkan dialek kaum Quraisy. Ini kerana al-Quran diturunkan mengikut dialek mereka. Hasilnya lahirlah beberapa naskhah al-Quran yang kemudiannya di hantar ke Makkah, Syria, Basrah, Kufah dan satu lagi disimpan oleh Uthman sendiri.⁶⁹

Khalifah Uthman ibn al-Affan r.a telah wafat pada tahun 35 H bersamaan 655 M kerana dibunuh oleh pemberontak-pemberontak yang masuk ke rumahnya.

⁶⁷ *Ibid*, hal. 152.

⁶⁸ *Ibid*, hal. 152.

⁶⁹ *Ibid*, hal. 140.

Pada masa tersebut beliau sedang membaca al-Quran.⁷⁰ Begitulah tamatnya riwayat hidup seorang khalifah agung yang ingin menegakkan kebenaran walaupun adakalanya ditentang oleh masyarakat tertentu.

2.3.5 Khalifah Ali ibn Abi Talib k.w (655-660 M)

Setelah wafatnya Saidiana Uthman ibn al-Affan r.a, maka Saidina Ali ibn Abi Talib k.w telah dilantik menjadi khalifah yang baru. Beliau dilantik pada pertengahan bulan Zulhijjah tahun 33 H.⁷¹

Semasa jawatan khalifah disandang oleh Saidina Ali ibn Abi Talib k.w, beliau telah mewarisi satu pemerintahan yang kucar-kacir dan tidak berdaya memperbaikinya. Pada zaman tersebut fitnah tersebar berleluasa dan banyak berlaku peperangan sesama orang Islam kerana fanatik dan perkauman yang sempit. Sebenarnya Saidina Ali menerima jawatan tersebut secara terpaksa memandangkan kepentingan umat Islam.⁷²

⁷⁰ Mohd Mokhtar Shafie (1993), *op. cit.* hal. 350.

⁷¹ Muhammad Said Ramadan al-Buti, Dr. (1999), *op cit* h. 371.

⁷² *Ibid*, hal. 371.

Sebagai seorang yang terkenal tegas dan bijaksana, Saidina ‘Ali telah melakukan beberapa perkara sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah demi memakmurkan masyarakat⁷³. Perkara tersebut ialah:

1. Memecat gabenor-gabenor lantikan Uthman.
2. Merampas balik tanah-tanah yang diberi oleh Saidina Uthman kepada kaum kerabatnya.
3. Mengubah pusat pentadbiran dari Madinah ke Kufah.

Pada zaman tersebut telah berlaku peperangan saudara yang pertama di dalam sejarah Islam iaitu peperangan Jamal. Ianya berlaku diantara Khalifah Ali k.w dengan Saiyadatina Aisyah r.a. Dalam peperangan tersebut Saidina Ali telah memperolehi kemenangan. Namun begitu beliau tetap memuliakan Saiyadatina Aishah r.a dan beliau telah menghantarnya kembali ke Madinah.⁷⁴

Tindakan Ali melucutkan secara mendadak jawatan Muawiyah bin Abu Sufyan sebagai gabenor Syam menyebabkan rakyat Syam tersinggung perasaannya kerana rakyat Syam belum pernah mengecap kemakmuran dan kesenangan sehingga datang Muawiyah. Ini menyebabkan rakyat Syam menjadi marah dan benci terhadap Saidina Ali. Bagaimanapun Saidina Ali cuba untuk berunding dalam menangani perkara tersebut dengan menghantar Jarir bin Abdullah menemui Muawiyah. Akan tetapi rundingan tersebut gagal mencapai

⁷³ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 153.

⁷⁴ Muhammad Said Ramadan al-Buti, Dr. (1999), *op.cit.* hal 372.

kata sepakat. Maka tercetuslah peperangan yang dinamakan Perang Siffin pada tahun 37 H. Pada awal peperangan tersebut, tentera Ali menampakkan tanda-tanda akan memperolehi kemenangan, tetapi Muawiyah cuba mencari helah dengan mengadakan rundingan damai. Dalam rundingan tersebut wakil Ali, Abu Musa al-Asy'ari telah tertipu dengan menerima perlucutan Ali sebagai khalifah.⁷⁵

Pada waktu Saidina Ali k.w bersiap-siap hendak mengirim angkatan tenteranya sekali lagi untuk menghadapi Muawiyah, muncul pula satu komplot tiga serangkai orang Khawarij untuk membunuh Ali, Muawiyah dan Amru. Tetapi diantara mereka ini cuma Abdul Rahman bin Muljam sahaja yang membunuh Saidina Ali dengan menetak dahi beliau dengan pedang sewaktu beliau sedang memanggil orang untuk bersolat subuh.⁷⁶

Khalifah Ali ibn Abi Talib k.w pada hari Jumaat 17 Ramadhan tahun 40 H. Beliau meninggal dunia ketika berumur 63 tahun. Beliau hanya sempat menjadi khalifah selama empat tahun dan sembilan bulan.

2.3.6 ZAMAN KERAJAAN BANI UMAIYAH DAN ABBASIYAH (660-1261 M)

Kerajaan ini dinamakan kerajaan Bani Umayyah kerana mengambil nama sempena nama keturunan Bani Umayyah iaitu Umayyah bin ‘Abdi Shams bin

⁷⁵ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op.cit.* hal 157.

⁷⁶ Muhammad Said Ramadan al-Buti, Dr. (1999), *op cit*, h. 377.

‘Abdi Manaf.⁷⁷ Keturunan mereka adalah daripada Qusaiy datuk Nabi Muhammad s.a.w. Kerajaan Bani Umayyah ini pada peringkat permulaan dipimpin oleh Muawiyah bin Abu Sufyan (660-680 M).⁷⁸ Kemudiannya jawatan khalifah diwarisi oleh anaknya Yazid bin Muawiyah (680- 683M).

Seterusnya jawatan khalifah ini disandang oleh Muawiyah bin Yazid (683 M) selama 40 hari yang kemudiannya telah meletakkan jawatan tersebut. Dengan perletakan jawatannya, maka berakhirlah kekuasaan keturunan Abu Sufyan dan bermulalah era Bani Umayyah kedua yang dipimpin oleh Marwan al-Hakam bin Abul ‘Ash bin Umayyah (683-685 M). Berikutnya jawatan tersebut beralih pula kepada Abdul Malik bin Marwan (685-705 M) dan seterusnya al-Walid bin Abdul Malik (705-715 M). Kemudiannya jawatan tersebut telah disandang oleh Sulaiman bin Abdul Malik (715-717 M). Berikutnya jawatan Khalifah diambil alih oleh Umar bin Abdul Aziz (717-720 M) yang kemudiannya dipimpin oleh Yazid bin Abdul Malik (720-724). Jawatan tersebut seterusnya disambung oleh Hisyam bin Abdul Malik (724-743 M), al-Walid bin Yazid (743-744 M), Yazid bin al-Walid (744), Ibrahim bin al-Walid (744 M) dan yang terakhirnya Marwan bin Muhammad (744-750).⁷⁹

Muawiyah bin Abu Sufyan menjadi khalifah bukanlah atas pilihan ramai atau melalui proses demokrasi, akan tetapi dengan cara muslihatnya yang

⁷⁷ Mohd Mokhtar Shafie (1993), *op. cit.* hal. 368.

⁷⁸ Hassan Ibrahim Hassan Dr. (1963) *Tarikh al-Islam al-Siasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtimaie*, c. 7, Juzu' 2, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 7.

⁷⁹ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 185.

tersendiri. Dengan tipu muslihat politik beliau berjaya menjadi khalifah bagi kerajaan Bani Umayyah dan pengasas daulah tersebut.

Semasa menjadi khalifah, beliau telah mencipta suatu cara hidup baru berasaskan tradisi Rom dan Parsi. Beliau juga telah mengarahkan pengawalnya mengangkat senjata tombak bila berada di hadapannya agar dirinya terkawal. Ruang solat khas untuk beliau juga turut dibina dan menambahkan pelbagai bentuk kemewahan di istananya.⁸⁰

Pada zaman pemerintahan Muawiyah bin Abu Sufyan jajahan takluk Islam telah berkembang dengan lebih luas lagi sehingga ke negeri-negeri Afghanistan, pulau Cyprus, Arduz, Afrika Utara dan lain-lain lagi disebabkan kepintaran dan kebijaksanaan beliau dalam medan jihad.⁸¹

Sepanjang jawatan khalifah dipegang oleh Bani Umayyah, mereka banyak mengetepikan nilai-nilai ajaran Islam dan lebih mementingkan keperluan diri sendiri serta kekuasaan politiknya dari kepentingan umat islam kecuali pada zaman pemerintahan Umar bin Abdul Aziz yang lebih mementingkan keadilan dan cintakan rakyat. Beliau mempunyai sifat yang luhur dan menjauhi sifat-sifat keduniaan, kemegahan serta kebesaran. Beliau telah mempergiatkan pengajaran-pengajaran Islam serta mewujudkan masjid dan pusat penyelidikan agama di

⁸⁰ *Ibid*, h. 164.

⁸¹ Mohd Mokhtar Shafie (1993), *op. cit.* hal. 371.

seluruh negeri. Pegawai-pegawai yang tidak cekap tidak layak telah dilucutkan jawatannya. Ini menyebabkan bertambah ramai orang yang memeluk Islam.⁸²

Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah meninggal dunia pada tahun 720 M bersamaan 101 H setelah memerintah hanya dua tahun dan lima bulan. Beiau meninggal dunia akibat diracun oleh musuh politiknya melalui seorang khadam yang menghidangkan makanan kepadanya.⁸³

Pada hakikatnya, cara kelahiran kerajaan Abbasiyah dan Umayyah hampir sama coraknya kerana kedua-duanya ditegakkan di atas landasan yang telah dihapuskan oleh Rasulullah s.a.w dahulu iaitu sifat-sifat perkauman, kabilah dan permusuhan.

Kerajaan Islam di bawah pimpinan Bani Abbas telah berkuasa selama lebih kurang lima kurun iaitu dari tahun 132 H iaitu tahun bermulanya *Abu al-Abbas al-Saffah* memegang jawatan *khalifah* hingga tumbangnya kerajaan atau kekuasaan *Bani Abbas* oleh serangan dan penaklukan orang-orang Mongol pada tahun 656 H bersamaan tahun 1258 M.⁸⁴ Zaman *Bani Abbasiyyah* dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu:⁸⁵

⁸² *Ibid*, h. 408.

⁸³ K.H Firdaus A.N. (1997), *Tokoh Kepimpinan dan Pejuang Keadilan Khalifah Umar bin Abdul Aziz*, Selangor: Pustaka Ilmi, h. 211.

⁸⁴ Hassan Ibrahim Hassan Dr. (1963), *op. cit.* hal. 21.

⁸⁵ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 203.

1. Peringkat keagungan yang bermula dari Khalifah al-Abbas al-Saffah (750-754 M) hingga pemerintahan Khalifah al-Makmun (813-833 M) di mana kuasa politik benar-benar berada di tangan *khalifah - khalifah Abbasiyah*.

2. Peringkat kemundurun iaitu sejak zaman *al-Muktasim* hingga kejatuhan Abbasiyah pada 1258M dimana *khalifah - khalifah Abbasiyah* seumpama patung sahaja yang mana namanya disebut dalam khutbah, sedangkan kuasa politik kini berada di dalam genggaman kaum *Mamluk* Turki dan diikuti *Bani Buwaih* serta *Bani Seljuq*.

Para *khalifah Abbasiyah* yang menjadi pemimpin pada peringkat pertama iaitu peringkat keagungan Bani *Abbasiyyah* ialah:⁸⁶

Al-Saffah	132 H. / 750 M.
Al-Mansur	136 H. / 754 M.
Al-Mahdi	158 H. / 775 M.
Al-Hadi	169 H. / 785 M.
Al-Rashid	170 H. / 786 M
Al-Amin	193 H. / 809 M..
Al-Ma'mun	198 H. / 813 M.
Al-Mu'tasim	218 H. / 833 M.
Al-Wathiq	227 H. / 842 M. hingga 232H./ 847M.

⁸⁶ Hassan Ibrahim Hassan Dr. (1963), *op. cit.* hal. 20.

Pada peringkat pertama kerajaan *Bani Abbasiyyah* yang diketuai oleh *Khalifah al-Abbas al-Saffah* telah memindahkan pusat pemerintahannya dari Kufah ke Hirah dan kemudiannya ke al-Anbar. Beliau banyak menghabiskan masanya untuk memerangi puak-puak Arab yang menyokong Bani Umayyah untuk mengukuhkan kedudukan politiknya. Semua pengikut Bani Umayyah dibinasakan dan anggota keluarga Bani Umayyah dibunuh sehingga tidak tinggal seorang pun melainkan Abdul Rahman al-Dakhil yang mlarikan diri dan menegakkan semula Kerajaan Bani Umayyah di Andalusia.⁸⁷

Dalam zaman Bani Abbas umumnya mereka telah menanamkan suatu anggapan di kalangan rakyat bahawa khalifah-khalifah bukan sahaja mewakili Nabi Muhammad s.a.w untuk menjalankan perintah, bahkan sebagai ‘bayang tuhan’ di muka bumi ini.⁸⁸ Mereka sukakan ulama’ untuk membincangkan masalah-masalah hukum dan sebagainya. Mereka menggalakkan para saterawan dan penyanyi-penyanyi untuk memperbaiki hasil karya mereka , menghasilkan syair-syair dan sebagainya.

Semasa pemerintahan Abu Jaafar al-Mansur, beliau telah menujuhkan ibu kotanya di Baghdad dengan menggantikan al-Anbar. Beliau juga telah mematikan gerakan golongan-golongan sesat seperti *al-Rawandiyah* dan *Zindiq*. Selain itu beliau telah memulakan kegiatan penterjemahan buku-buku Yunani,

⁸⁷ Mohd Mokhtar Shafie (1993), *op. cit.* hal. 439.

⁸⁸ *Ibid*, h. 440.

Parsi dan India ke Bahasa Arab. Beliau juga telah mendirikan Perpustakaan Darul Hikmah di Baghdad.⁸⁹

Pada zaman al-Mahdi pula, telah dibina masjid-masjid dan meluaskan Masjidil Haram serta membuat kelambu Kaabah. Beliau juga telah membina rumah-rumah untuk para musafir, perigi-perigi untuk kafilah-kafilah, memperbaharui ukuran-ukuran batu di jalan serta mengadakan hubungan pos dari Makkah, Madinah dan Yaman. Beliau juga telah menawan kawasan-kawasan Rom yang dipimpin oleh anaknya Harun al-Rasyid.⁹⁰

Ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid, beliau telah melaksanakan projek-projek pembangunan seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital, jalan raya, perigi, jambatan, terusan, mata air dan lain-lain lagi. Beliau juga meneruskan usaha-usaha penterjemahan dan kegiatan ilmu pengetahuan serta mendirikan Perpustakaan Bait al-Hikmah. Beliau merupakan khalifah yang masyhur pada zaman kegembilangan Bani Abbasiyah.⁹¹

Al-Wathiq merupakan khalifah terakhir yang berkuasa pada zaman Bani Abbasiyah. Beliau telah meneruskan usaha menjadikan aliran Muktazilah sebagai mazhab rasmi serta memberikan kebebasan kepada orang-orang Turki. Beliau juga telah menghapuskan kekacauan dari Bani Qais di Damsyik dan juga di

⁸⁹ Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 204.

⁹⁰ Hassan Ibrahim Hassan Dr. (1963) *op. cit.* hal. 40.

⁹¹ *Ibid*, h. 50.

Iraq.⁹² Selepas kematian Al-Wathiq, pemerintahan Bani Abbasiyah tidak banyak melakukan perubahan akan tetapi hanya meneruskan apa yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya.⁹³

2.4 PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA

2.4.1 ZAMAN EMPAYAR MELAKA

Sistem politik Islam dan kerajaan di Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu bermula pada awal kurun ke-15. Mengikut catatan sejarah Melayu ianya bermula di negeri Melaka di bawah pemerintahan Parameswara yang merupakan seorang putera beragama Islam berasal dari Pelembang. Beliau berketurunan Raja Sailendra yang pernah menjadi pemerintah kerajaan Srivijaya.⁹⁴ Pada masa tersebut kerajaan Melaka merupakan sebuah kerajaan yang

⁹² Abdul Rahman Hj Abdullah, Dr. (2007), *op. cit.* hal. 208.

⁹³ *Ibid.*, h. 211.

⁹⁴ Syed Ibrahim, Dr (2007), *Malaysia Kita*, Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services, h. 8.

agung dan masyhur. Keagungan sistem politik dan kerajaan tersebut dapat dikenal pasti melalui kemasyhurannya sebagai pusat perdagangan, pusat perkembangan agama Islam, keluasan tanah jajahan dan mempunyai hubungan politik antarabangsa dengan kuasa besar ketika itu seperti Negeri China. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Melayu Melaka merupakan sebuah empayar yang agung ketika itu.⁹⁵

Kerajaan Melayu Melaka mengalami kejatuhan apabila diserang oleh Portugis pada tahun 1511 selama 130 tahun sehingga tahun 1641. Kerajaan Melaka kemudiannya ditadbir oleh Belanda, British, Jepun dan kemudiannya dijajah kembali oleh British⁹⁶

2.4.2 ZAMAN KESULTANAN MELAYU

Sementara itu, sembilan buah negeri dalam persekutuan Melayu diperintah oleh sembilan orang sultan yang beragama Islam. Negeri-negeri ini wujud dalam masa yang berlainan. Kedah Tua dan Perak Tua wujud pada abad ke-15, Pahang Tua pula wujud sezaman dengan Kesultanan Melayu Melaka. Johor Lama pula wujud selepas Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Negeri Sembilan,

⁹⁵ Asnarulkhadi Abu Samah, Jayum A. Jawan (1997), *Kenegaraan Malaysia*, Kuala Lumpur: Aslita Sdn Bhd, h. 23

⁹⁶ Mardiana. Hasnah (2000), *Pengajian Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 13

Kelantan, Terengganu dan Selangor wujud pada abad ke-18. Negeri Perlis, Pahang dan Johor muncul semula pada abad ke-19.⁹⁷

Pada abad ke-18, kegembilangan Negeri-Negeri Melayu mula mengalami kemerosotan dan kepudaran. Keunggulan orang Melayu Islam untuk menentang kehadiran kuasa asing mulai lemah. Kerajaan Johor-Riau tidak dapat diperkuuhkan oleh orang Bugis walaupun puak ini mengemukakan pemimpin-pemimpin yang perkasa pada sepenjang abad ke-15 hingga abad ke-17. Orang Bugis yang terkenal dengan kehebatan mereka hanya mampu mewujudkan sebuah negeri iaitu Selangor. Pertalian Melayu-Bugis yang tersimpul menerusi ikatan perkahwinan pembesar-pembesar mereka tidak mampu mengukuhkan perpaduan bahkan kehadiran orang Bugis telah memusnahkan empayar Jhor-Riau dan memporak-perandakan negeri-negeri Perak, Kedah dan Selangor. Kehadiran orang Minangkabau yang rapat dengan orang Melayu Semenanjung gagal mewujudkan sebuah empayar. Namun begitu, mereka talah Berjaya mewujudkan satu gabungan negeri kecil yang dinamakan Negeri Sembilan.⁹⁸

Gerakan kesedaran di kalangan orang Melayu muncul dengan cara yang sistematik berbanding dengan penentangan awal yang dilakukan oleh mereka pada abad ke-18 dan 19. Menerusi organisasi yang tersusun, orang Melayu dapat melahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap dasar pemerintahan British di Tanah Melayu. Menjelang abad ke-20, gerakan kesedaran dikalangan orang

⁹⁷ Syed Ibrahim, Dr (2007), *Malaysia Kita*, Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services, h. 27.

⁹⁸ *Ibid*, h. 34.

Melayu semakin ketara dan semangat nasionalisme semakin membara dalam jiwa orang Melayu.

2.4.3 ZAMAN SEBELUM MERDEKA

Pada akhir abad ke-19, terdapat ramai penuntut Melayu yang telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar di Mesir. Modernisme dalam Islam yang diperkenalkan oleh Muhammad Abduh pada waktu itu telah mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu. Mereka terdiri dari Mohd Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Haji Abbas Mohd Taha dan Sheikh Mohd Salim A. Kalali. Menerusi penerbitan majalah Al-Imam, pelajar-pelajar ini telah menyebarluaskan pemikiran baru dalam Islam.⁹⁹

Pada akhir tahun 1930-an, golongan nasionalis Melayu yang berpendidikan telah menu buhkan sebuah parti politik yang dinamakan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Parti ini berpusat di Kuala Lumpur dan ia merupakan parti politik yang pertama ditubuhkan di negara ini. KMM juga merupakan sebuah pertubuhan politik Melayu yang radikal dan berhaluan kiri. Penubuhan KMM dipengaruhi oleh pergolakan politik di negara seberang iaitu Indonesia. Pemimpin-pemimpin KMM terdiri dari bekas penuntut Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjung Malim. Tujuan penubuhan KMM ialah untuk menyatupadukan semua orang Melayu dari pelbagai peringkat bagi mempertahankan dan memperjuangkan hak serta kepentingan bangsa Melayu. Disamping matlamat

⁹⁹ *Ibid*, h. 91.

untuk membanteras penindasan ke atas orang Melayu, KMM juga berjuang bagi kemerdekaan Tanah Melayu dan membebaskan Negara ini daripada belenggu penjajah sama ada dari segi ekonomi, politik dan sosial. Pemimpin-pemimpin KMM juga berhasrat untuk menggabungkan negara ini dengan Indonesia dan mewujudkan Indonesia Raya atau Melayu Raya andainya perjuangan mereka berjaya. Namun demikian, KMM yang berhaluan kiri tidak mengiktirafkan kewujudan Raja-Raja Melayu dan tidak mengaku taat setia kepada Sultan. Mereka meletakkan kesalahan terhadap Raja-Raja Melayu, pembesar-pembesar Melayu, Kerajaan British dan orang Cina atas kemunduran bangsa Melayu.¹⁰⁰

Beberapa peristiwa bersejarah berlaku menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu perkembangan parti-parti politik, pemberotakan Parti Komunis Malaya (PKM), Perisyiharan Darurat di Tanah Melayu, Rancangan Briggs, Pilihan Raya Umum, Rundingan Baling dan Rundingan Kemerdekaan. Pada tahun 1951, Kerajaan British telah mengubah dasar pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu dengan memperkenalkan Sistem Ahli. Menerusi system ini, beberapa orang warganegara Persekutuan Tanah Melayu telah dilantik sebagai ahli Majlis Persekutuan atau Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan. Matlamat system ini ialah untuk member peluang kepada orang Melayu memerintah nagara sendiri dan juga melatih warga tempatan secara langsung bagi mendapatkan pengalaman pemerintahan secara demokrasi. Berikutnya dengan matlamat ke arah pemerintahan sendiri, Kerajaan British

¹⁰⁰ *Ibid*, h. 95.

berpendapat satu pilihan raya umum perlu diadakan supaya penduduk Persekutuan Tanah Melayu dapat memilih pemimpin mereka sendiri. Sebagai permulaan, satu pilihan raya diperingkat penguasa tempatan telah diadakan pada 1 Disember 1951, iaitu Pilihan Raya Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pilihan raya ini bertujuan untuk memilih perwakilan di peringkat kerajaan tempatan dan seterusnya kepada demokrasi berparlimen. Pada tahun 1953, Kerajaan British telah melantik seorang “speaker” bagi mempengerusikan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan. Perlantikan ini bagi menggantikan tempat Pesuruhan Tinggi British. Pilihan raya kedua bagi peringkat kerajaan tempatan diadakan pada Februari 1952 iaitu Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Wakil-wakil yang terpilih dalam pilihan raya ini telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang awam. Pemilihan ini membekalkan pengalaman yang berguna kepada perwakilan. Proses ini merupakan latihan awal ke arah mentadbir Kerajaan dan membentuk Kerajaan yang berlandaskan demokrasi.¹⁰¹

Pada 27 Julai 1955, pilihan raya umum yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan. Parti Perikatan yang dianggotai oleh tiga buah parti politik terbesar iaitu UMNO, MCA, dan MIC telah meletakkan 35 orang calon, dengan 15 orang calon daripada MCA dan dua orang calon MIC. Parti-parti lain yang turut bertanding dalam pilihan raya ini ialah Parti Islam SeMalaya (PAS), Parti Buruh, Parti Negara, dan Parti Progresif Rakyat. Parti Perikatan telah mendapat kemenangan yang cemerlang dalam Pilihan Raya Umum 1955.

¹⁰¹ *Ibid*, h. 109.

Perikatan telah memenangi 51 kerusi daripada jumlah 52 buah kerusi yang telah dipertandingkan. PAS hanya memenangi satu kerusi sahaja, manakala parti-parti lain mengalami kekalahan teruk.¹⁰²

2.4.4 PENUBUHAN PARTI POLITIK UTAMA

Parti Islam Se Malaysia (PAS) yang dahulunya dikenali sebagai Persatuan Islam Se Malaya merupakan satu-satunya organisasi dan parti politik Islam yang ingin dan cuba untuk mendaulatkan agama Islam di bumi Tanah Melayu ini. Persatuan ini telah ditubuhkan pada 23 Ogos 1951 oleh kumpulan reformis dikalangan ulama sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Nama persatuan ini kemudiannya diubah menjadi Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) pada 24 November 1951, dalam satu persidangan ulamak Malaya di Bagan Tuan Kecil (Butterworth), Seberang Prai. Penglibatan dan sumbangan PAS dalam politik negara bermula sebaik sahaja ia ditubuhkan walaupun ramai pengkaji mengatakan PAS hanya menyertai politik menjelang pilihan raya umum 1955.¹⁰³

Kemunculan PAS ini dikatakan hasil daripada silang pengaruh yang berlaku antara beberapa gerakan Islam yang lebih awal seperti *Ikhwanul Muslimin* di Mesir, Masyumi di Indonesia dan Jamaat Islami di Pakistan. Ketiga-tiga pengaruh ini telah menyerap masuk ke Tanah Melayu melalui para ulamak yang belajar di Mesir, Mekah, India dan Indonesia. Ksedaran yang awal ialah para

¹⁰² *Ibid*, h. 111.

¹⁰³ Abu Bakar Chik (1999), *Al-Hizb Al-Islami Al-Malizi*, Jordan: Dar Al-Bayarek, h. 6.

ulamak atau umat Islam memerlukan sebuah pertubuhan atau badan yang boleh mewakili mereka dalam semua aspek kehidupan terutama dalam keadaan Tanah Melayu sedang dijajah oleh British ketika itu. Longgokan ksedaran ini kemudiannya menghasilkan Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) pada 1947 diikuti oleh Hizbul Muslimin pada 1948 kesan daripada usaha gigih Dr Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Walau bagaimanapun, gerakan Islam yang berpusat di Gunung Semanggol ini terkubur ekoran penguatkuasaan Ordinan Darurat pada Jun 1948.¹⁰⁴

Sepanjang tempoh 1951-2009 ini, PAS telah dipimpin oleh tujuh orang Yang Dipertua Agung/Presiden iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953), Dr Haji Abbas Alias (1953-1956), Profesor Dr Burhanuddin al-Helmy (1956-1969), Datuk Mohd Asri Muda (1969-1982), Tuan Haji Yusof Rawa (1982-1988), Dato' Fadzil Mohd Noor (1988-2002) dan Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2002 hingga sekarang). Para pengkaji yang menganalisis perkembangan PAS ini mengatakan PAS telah mengalami empat jenis kepemimpinan iaitu kepemimpinan ulamak tradisi (1951-1956), kepemimpinan nasionalis kiri (1956-1969), kepemimpinan nasionalis kanan (1969-1982) dan kepemimpinan ulamak haraki (1982-sekarang). Dalam pada itu juga, mereka mengatakan PAS telah melalui empat tahap perkembangan iaitu tahap kemunculan (1951-1959), tahap kebangkitan (1959-1973), tahap kemuncak (1973-1977), tahap kejatuhan (1977-1990) dan tahap kebangkitan semula (1990-

¹⁰⁴ Parti Islam Se-Malaysia, http://www.pas.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=1370&Itemid=86, 25 April 2009.

sekarang). Dari sudut pembinaan ideologi perjuangan PAS, dikatakan berlaku tiga fasa iaitu fasa penubuhan dan pembentukan ideologi (1951-1958), fasa pencernaan ideologi (1958-1982) dan fasa pengukuhan idelogi (1982-1995).¹⁰⁵

Sementara itu, parti United Malay National Organization (UMNO) yang dahulunya dinamakan Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) lahir apabila satu jawatankuasa yang terdiri dari Dato' Onn Jaafar, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Hamzah Abdullah dan Encik Zainal Abidin Ahmad (Zaaba) telah dipilih untuk menyediakan draf Piagam atau Perlembagaan UMNO untuk dibentangkan dan diterima oleh Kongres Melayu Se-Malaya. Walaupun ada bangkangan yang hebat dari kaum Melayu, Kerajaan British tetap meneruskan rancangan mereka untuk mewujudkan Malayan Union pada 1 April 1946. Orang-orang Melayu dan pertubuhan-pertubuhan Melayu terus membangkang dan tidak memberi sebarang sokongan terhadap Malayan Union. Pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru. Kongres Melayu Se-Malaya ketiga dan perhimpunan agung pertama Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR (UMNO) telah berlangsung dan Piagam atau Perlembagaan (UMNO) telah diterima dan diluluskan oleh para peserta. Maka tertubuhlah parti United Malay National Organization (UMNO) secara rasminya pada tarikh tersebut.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Zamby Abd Kadir (1995), *Religion and Politics: The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia*, Tesis PhD, Temple University, h. 25-28.

¹⁰⁶ UMNO Malaysia, <http://umno-online.com/umno/index.php?option=com.content&view=article&id=79&Itemid=99>, 28 April 2009.

Perjuangan UMNO yang pertama adalah membangkang penubuhan Malayan Union melalui akhbar-akhbar seperti Utusan Melayu, Majlis dan Suara Orang Melayu agar penentangan Malayan Union tersebut dapat diketahui diketahui oleh masyarakat. Pemimpin UMNO berjaya menasihatkan Sultan-sultan melayu supaya tidak menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union yang pertama, Edward Gent, dan secara simbolik memanifestasikan kemarahan dan bangkangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union.¹⁰⁷

Dua bulan selepas wujudnya Malayan Union, Kerajaan British telah mengubah pendirian dan bersedia mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil UMNO dan Sultan-sultan bagi mewujudkan satu kerajaan persekutuan baru. Rundingan ini berlangsung hingga 21 Januari 1948 apabila Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan wakil kerajaan British yang mengembalikan semula kuasa-kuasa dan kedaulatan Sultan-sultan. Secara rasmi Persekutuan Tanah Melayu dilahirkan pada 1 Februari 1948.¹⁰⁸

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ditadbir oleh Pesuruhjaya Tinggi dan dibantu oleh beberapa ahli Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan termasuklah Yang Di Pertua UMNO Dato Onn bin Jaafar yang telah diberi tanggunjawab

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ *Ibid.*

sebagai Ahli (Member) Hal Ehwal Dalam Negeri. Semasa memegang jawatan itu, Dato Onn telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau Rural and Industrial Development Authority (RIDA) yang bertujuan membantu orang-orang Melayu menceburkan diri dalam bidang perusahaan. Pemerintahan di peringkat Negeri pula adalah di bawah kuasa Menteri Besar dan dibantu oleh Penasihat British.¹⁰⁹

Pada bulan Jun 1948 penganas dari parti Komunis Malaya telah melakukan pembunuhan liar dan pembinasan terhadap harta awam dan persendirian menyebabkan Kerajaan Persekutuan mengisytihar Darurat pada 16 Jun 1948. Bagi menghadapi ancaman komunis ini, UMNO telah menggembelingkan tenaga orang Melayu lelaki dan perempuan supaya menyertai pasukan bersenjata termasuk polis khas dan pengawal kampung.¹¹⁰

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu mengandungi peruntukan berkenaan pilihanraya umum bagi membolehkan rakyat memilih wakil-wakil mereka ke Dewan Perundangan dan seterusnya memerintah sendiri sebagai negara merdeka. Langkah pertama yang dilakukan oleh UMNO adalah berkerjasama dengan Persatuan Cina Malaya (MCA) bagi merebut kerusi pilihanraya majlis tempatan, iaitu Majlis Municipal Kuala Lumpur pada tahun

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ *Ibid.*

1951. Kerjasama ini telah membawa kejayaan cermerlang dan dengan sokongan yang diberi kemudian oleh Kongres India Malaya (MIC) maka satu gabungan parti yang diberi nama Perikatan (Alliance) telah ditubuh bagi menghadapi pilihanraya umum yang pertama pada 27 Julai 1955 yang berkesudahan dengan Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi bagi Majlis Perundangan Persekutuan. Yang diPertua UMNO, Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik menjadi Ketua Menteri dan Menterinya terdiri dari wakil rakyat yang dipilih dan juga pegawai pentadbir British yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.¹¹¹

Dengan kejayaan cermerlang yang dicapai oleh Parti Perikatan, dalam pilihanraya 1955, UMNO terus berazam untuk mendapatkan kemerdekaan penuh. Rundingan demi rundingan telah diadakan di London di antara wakil-wakil Perikatan yang diketuai oleh Yang DiPertua UMNO, Tunku Abdul Rahman Putra, wakil-wakil Raja-raja Melayu dan wakil-wakil Kerajaan British dan akhirnya persetujuan telah tercapai bagi kemerdekaan Tanah Melayu sebagai Negara yang merdeka dan berdaulat mulai pada 31 Ogos 1957.¹¹²

Disamping itu, parti PAS juga turut bekerjasama dengan pertubuhan UMNO dalam menuntut kemerdekaan daripada British. Perjuangan UMNO pada masa tersebut adalah berdasarkan demokrasi dan membebaskan Negara dari penjajah British dengan membawa cogankata MERDEKA bagi meniupkan bara

¹¹¹ *Ibid.*

¹¹² *Ibid.*

kemerdekaan ke dalam diri setiap rakyat serta memilih 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan manakala parti PAS pula berjuang diatas dasar Islam.¹¹³

Tanah Melayu yang kininya dikenali sebagai Malaysia telah dikenali oleh dunia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan institusi raja berperlembagaan.¹¹⁴ Walaubagaimanapun pada tanggal 13 Mei 1969, telah berlakunya rusuhan kaum yang menyebabkan sentimen nasionalisme dikalangan parti-parti Melayu di negara ini sehingga menyebabkan dua buah parti politik Melayu iaitu UMNO dan PAS telah bergabung bagi menjaga kepentingan bangsa Melayu di bawah pimpinan perdana menteri yang kedua iaitu Tun Abdul Razak.¹¹⁵ Walau bagaimanapun gabungan ini tidak kekal lama ekoran PAS telah dipecat dari Barisan Nasional. Selepas pemecatan ini PAS mula bergerak aktif sebagai parti pembangkang.

2.4.5 ZAMAN SELEPAS MERDEKA

Pada hari Sabtu, 31 Ogos 1957 bersamaan 5 Safar 1377 jam 9.30 pagi, Persekutuan Tanah Melayu telah diistiharkan dengan rasminya Merdeka. Pengistiharan tersebut telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia yang

¹¹³ Abu Bakar Chik (1999), *Al-Hizb al-Islami al-Malizi*, Jordan: Dar Al-Bayarek, h. 21.

¹¹⁴ Idris Zakaria (1991), *Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 179

¹¹⁵ Wan Nik Wan Yussof, Asma' Husna Sulaiman (2006), *Islam Dalam Politik Malaysia- Satu Kritikan Terhadap Islam Hadhari*, Kota Bharu Kelantan: Percetakan Selaseh Sdn. Bhd, h. 106

pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.¹¹⁶

Walaupun Tanah Melayu telah diistiharkan secara rasminya merdeka dan Islam telah diakui menjadi agama rasmi Negara, namun begitu Dr. Burhanuddin¹¹⁷ yang merupakan Yang di-Pertua Persatuan Islam Se-Malaya dalam Mesyuarat Agung Keenam Persatuan tersebut mengatakan bahawa “ianya cuma pada tulisannya saja, tetapi isinya adalah kosong”.¹¹⁸ Ini menunjukkan bahawa agama Islam hanya menjadi agama rasmi Negara tanpa digunakan didalam sistem politik dan pemerintahan Tanah Melayu. Ianya tidak mempunyai apa-apa panduan serta undang-undang selain daripada undang-undang keluarga Islam dan sebagai pegangan pada upacara bagi majlis-majlis rasmi kerajaan persekutuan.

Pada awal tahun 1980-an, satu perubahan pendekatan telah berlaku di dalam PAS. Mulai tahun 1983 PAS secara rasminya telah menerima kepimpinan ulama’ sebagai satu pendekatan politik. Tuan Haji Yusof Rawa¹¹⁹ telah diamanah sebagai Yang Dipertua (Presiden) pertama dalam era kepimpinan ulama’.¹²⁰

¹¹⁶ Zakiah Hanum (1997), *Maka Merdekalah Negara Kita*, Kuala Lumpur: Adhicipta (m) Sdn. Bhd, h. 162.

¹¹⁷ Nama penuh beliau ialah Dr. Burhanuddin bin Muhammad Nur al-Hilmi. Beliau berasal dari Kampung Changkat Tualang, Kota Bharu, Kelantan. Merupakan mantan Yang di-Pertua Persatuan Islam Se-Malaya (25/12/1956-10/10/1969).

¹¹⁸ *Ibid*, h. 155.

¹¹⁹ Nama penuh beliau ialah Tuan Guru Haji Yusuf bin Haji Abdullah al-Rawi atau dikenali sebagai Tuan Guru Haji Yusof Rawa. Beliau dilahirkan di Lebuh Aceh Pulau Pinang. Beliau pada mulanya belajar di Sekolah Melayu Jalan Carnavon kemudiannya berpindah ke Sekolah Charausta. Di peringkat menengah beliau memasuki sekolah Goument English School kemudiannya menyambungkan pengajian di Penang

Dalam menghadapi arus kebangkitan Islam yang berlaku hampir di seluruh dunia Islam, dasar kerajaan BN mengenai Islam dilihat masih lagi berbelah bahagi. Berdasarkan tindakan kerajaan BN yang pada suatu ketika adalah menyokong kesedaran Islam, sementara pada satu ketika yang lain ianya bertindak anti Islam. Hal ini terjadi disebabkan sikap dan pandangan terhadap Islam hanyalah sekadar merangkumi aspek-aspek ibadat semata-mata seperti sembahyang, puasa, haji dan zakat.¹²¹

Sehingga kini, model pemerintahan Islam PAS bertonggakkan kepimpinan ulama' belum dapat disesuaikan sebaik mungkin mengikut acuan yang sebenar masyarakat Malaysia. Sementara kerajaan BN pula terus bersikap berbelah bahagi dalam melaksanakan ajaran Islam sehingga ke hari ini. Begitulah keadaan parti politik yang masyhur dikalangan orang-orang Islam yang berada di negara Malaysia. Rakyat diberi kebebasan untuk memilih parti yang disukainya serta menilainya sendiri dari pelbagai sudut.

Pada 23 Mac 2004, Pilihan Raya Umum yang ke-11 telah berlangsung. Dalam pilihan raya ini, BN telah mencatat kemenangan cemerlang dengan memenangi 195 kerusi daripada jumlah 219 kerusi parlimen yang telah dipertandingkan. PAS pula memenangi 5 kerusi sahaja dan DAP memenangi 10

Free School sehingga memperolehi Junior Cambridge. Kemudian beliaua melanjutkan pengajian di Maadul Falah di Mekah dan memperolehi diploma Thaqasur al-Deeni.

¹²⁰ Wan Nik Wan Yussof / Asma' Husna Sulaiman (2006), *op.cit.*, h.92.

¹²¹ *Ibid*, h. 95.

kerusi sementara Parti Keadilan yang merupakan parti termuda hanya memenangi satu kerusi parlimen sahaja. Dengan ini BN masih lagi mampu mengekalkan pemerintahan mereka di negara Malaysia.¹²²

2.5 KESIMPULAN

Setelah membicarakan tentang sejarah perkembangan politik Islam di Malaysia, penulis dapat menyimpulkan bahawa terdapat dua buah parti politik Melayu yang besar iaitu UMNO dan PAS. Kedua-dua parti ini dianggotai oleh orang-orang Melayu yang beragama Islam. Selain itu terdapat dua buah lagi parti utama yang mewakili dua kaum di Tanah Melayu iaitu MCA yang dianggotai oleh masyarakat Cina dan MIC yang mewakili kaum India. Kesemua parti ini masih kekal wujud sehingga ke hari ini. Pada bab berikutnya penulis akan membincangkan mengenai biografi Ustaz Abu Bakar Hamzah yang merupakan salah seorang tokoh politik Islam di Malaysia.

¹²² Ibrahim, Dr (2007), *Malaysia Kita*, Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services, h. 194.

BAB KETIGA

USTAZ ABU BAKAR BIN HAMZAH TOKOH POLITIK ISLAM MALAYSIA

3.1 PENDAHULUAN

Nama Ustaz Abu Bakar Bin Hamzah adalah merupakan satu nama yang agak masyhur di kalangan ahli politik di zaman 60 dan 70an. Beliau merupakan seorang ahli politik dan juga ahli akademik yang mempunyai pemikiran yang kreatif dan terkehadapan. Inilah yang menyebabkan nama dan diri beliau juga berada dihadapan barisan pimpinan politik pada masa tersebut.

Beliau merupakan tokoh politik Islam yang banyak menabur jasa kepada masyarakat dan tanah air. Ketokohan beliau dalam bidang politik dapat dilihat dengan

perlantikan beliau sebagai pemimpin utama dalam parti politik yang disertai. Beliau juga banyak mengarang buku-buku yang berkaitan dengan politik semasa samada politik di Malaysia ataupun dunia.

Disamping itu beliau juga merupakan tokoh pendidikan kerana beliau juga pernah mengajar di universiti-universiti tempatan. Beliau juga turut mengajar para pelajar secara tidak formal di rumah. Kegiatan pendidikan beliau bukan hanya melibatkan proses pengajaran, tetapi beliau juga turut mengeluarkan karya-karya ilmiah yang menjadi rujukan para pelajar. Karya-karya beliau boleh diguna pakai sehinggalah ke hari ini dan dapat diperolehi di perpustakaan-perpustakaan utama di Malaysia.

3.2 LATAR BELAKANG KELUARGA

Nama penuh beliau ialah Abu Bakar bin Hamzah. Beliau lebih dikenali dikalangan para sahabat dan kawan-kawan dengan panggilan nama Bakar Hamzah. Nama panggilan ini digunakan kerana pada masa tersebut terdapat beberapa orang yang bernama Abu Bakar. Beliau juga pernah digelar ‘*Ibnu Batutah Moden*’ dikalangan sesetengah pelajar semasa beliau berada di England kerana sikap beliau yang suka menjelajah atau melancong ke serata dunia.

Ustaz Abu Bakar Hamzah dilahirkan pada tahun 1925 bersamaan 1343 H di sebuah kampung yang bernama Kampung Bangsal Lebah, Jalan Kuala Perlis yang terletak di daerah Arau, Perlis Indera Kayangan. Di daerah dan negeri inilah beliau

dibesarkan bersama keluarganya yang tercinta. Beliau berasal dari keluarga yang susah dan miskin dan keluarga beliau juga bukanlah terdiri dari golongan keluarga yang berpelajaran tinggi. Akan tetapi ibubapa beliau amat menitik beratkan soal ajaran dan pendidikan agama Islam di dalam keluarga sejak beliau masih kecil lagi. Keluarga beliau juga adalah keluarga yang kuat berpegang kuat kepada ajaran agama Islam.¹²³

3.3 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Pendidikan awal Ustaz Abu Bakar Hamzah bermula pada tahun 1934 di Sekolah Melayu Bohor Lateh, Perlis. Beliau kemudiannya dihantar belajar di Sekolah Arab Madrasah Al-Huda, Pulau Pinang. Dari tahun 1937-1939 beliau meneruskan pelajarannya di Sekolah Agama Arab ‘Alawiiyah Al-Diniyyah Arau, Perlis.

Beliau merupakan salah seorang pelajar yang rajin dan pintar. Kepintaran Ustaz Abu Bakar Hamzah telah dianugerahkan oleh Allah Taala sejak beliau masih kecil lagi sehingga beliau meningkat dewasa. Selepas bersekolah di Sekolah Agama Arab ‘Alawiyah Al-Diniyyah beliau memasuki sekolah Cina Hwa Aik, Arau beberapa bulan pada zaman penjajahan Jepun di Malaysia. Pada masa tersebut juga (1942) beliau turut belajar di Sekolah Pertanian Teluk Chenagai, Alor Setar (ketika itu diberi nama Kolej Tanaman atau “Najio Kurensho” selama setahun dan berjaya menamatkan pengajian pengajian dengan memperolehi “sijil terpuji”.¹²⁴

¹²³ Abu Bakar Hamzah (1989), *Quo Vadis Pas? Polemik Spontan diantara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslim*, Selangor: Polygraphic Press Sdn. Bhd., h. 154.

¹²⁴ Alias Mohamed (2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, h. 23.

Disebabkan Ustaz Abu Bakar Hamzah amat berminat untuk mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam, beliau meneruskan pengajian beliau dalam bidang agama dengan berguru kepada Sheikh Abdullah al-Maghribi di Pulau Pinang. Selain itu beliau turut berguru dengan Sheikh Tahir Jalaluddin.¹²⁵ Disebabkan Ustaz Abu Bakar Hamzah adalah murid yang pintar dan rajin, beliau sangat disayangi oleh guru beliau Sheikh Tahir Jalaluddin.¹²⁶ Dengan ini ilmu agama dan Arab yang ada di dalam dada beliau semakin bertambah serta memudahkan beliau untuk menambahkan lagi ilmu dengan membaca buku-buku dan juga kitab-kitab agama yang lain. Tambahan pula beliau adalah seorang yang rajin dan minat membaca buku-buku agama dan ilmiah.

Pendidikan secara formal yang tertinggi dan yang terakhir yang telah beliau capai sepanjang hayat beliau ialah pengajian peringkat Master dalam bidang Philosophy (Sarjana Falsafah) dalam bidang sains politik (Political Science) di University of Kent yang terletak di bandar Canterbury England.¹²⁷ Beliau menyambung pengajian pada peringkat ini pada tahun 1976 setelah beliau dipecat daripada ahli PAS. Turut bersama beliau semasa di sana ialah isteri dan seorang anak kesayangan beliau yang menjadi pembantu dan pengubat rindu beliau kepada tanahair. Beliau menuntut di Universiti of Kent, England tanpa mendapat mana-mana bantuan atau biasiswa dari mana-mana pihak. Dalam hal ini, isteri beliau banyak memberi semangat kepada beliau serta memainkan

¹²⁵ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 70.

¹²⁶ Nama penuh beliau Muhammad Tahir bin Sheikh Muhammad bin Ahmad Jalaluddin. Beliau dikenali dengan gelaran Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari. Beliau merupakan tokoh bidang Falak Syar'i.

¹²⁷ Ustaz Abu Bakar Hamzah (1989), *Qua Vadis Pas? Polemik Spontan Di Antara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslim*, Selangor: Polygraphic Press Sdn Bhd, h. 185.

peranan penting bagi membantu ekonomi beliau dengan membuat makanan dan kuih-muih. Makanan tersebut akan dijual kepada para pelajar di “Dewan Malaysia” England.¹²⁸

3.4 KERJAYA

Kerjaya pertama yang telah beliau ceburi ialah sebagai pegawai polis Pasukan Polis Malaya pada tahun 1946 di Kuala Lumpur. Kemudian beliau bertukar ke Johor Bharu dan kemudiannya di Taiping Perak. Semasa dalam pasukan polis, Ustaz Abu bakar Hamzah pernah menjadi “guru kawad” (Drill Instructor) dan kemudian bertugas dalam Cawangan Khas. Beliau kemudiannya berkhidmat dengan polis hutan dan meletakkan jawatan dalam polis pada bulan Oktober 1949.¹²⁹

Pada tahun 1950, beliau mula menjadi guru agama di Madrasah Al-Akhlaq Islamiyah, Masjid Tinggi Bagan Serai, Perak selama dua tahun. Pada tahun 1952 pula beliau bekerja di Pejabat Zakat Perlis sebagai penolong setiausaha. Kemudian pada tahun 1954, Ustaz Abu Bakar Hamzah kembali menjadi tenaga pengajar di Madrasah Al-Akhlaq Islamiyah, Masjid Tinggi Bagan Serai, Perak selama setahun iaitu sehingga sekolah tersebut ditutup. Selepas itu beliau mengambil keputusan mengajar di Madrasah El-Ehya Asshariff, Gunung Semanggol. Tidak lama selepas itu, beliau telah dilantik

¹²⁸ Alias Mohamed (2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, h. 18.

¹²⁹ *Ibid*, h.24..

sebagai guru besar di Madrasah Yasiniah di Kuala Kangsar Perak. Pada tahun 1956 beliau beralih menjadi Guru Besar di Madrasah Muhammadiyah, Kampung Baru, Ayer Itam, Pulau Pinang.¹³⁰

Dalam tahun 1958 setelah kontraknya sebagai tenaga pengajar di Madrasah Muhammadiyah tamat, beliau beralih kerjaya kepada jawatan Pegawai Perpustakaan di Kolej Islam Klang. Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar di Sekolah Kebangsaan Izzuddin Shah, Ipoh, Perak.

Diantara kerjaya tertinggi beliau sebagai pendidik ialah beliau pernah menyandang jawatan sebagai Tenaga Akademik di Universiti Malaya Kuala Lumpur sebagai pensyarah bidang kemasyarakatan di Jabatan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. Jawatan tersebut disandang bermula dari bulan Oktober 1984 sehingga tahun 1986 setelah beliau menamatkan pengajian peringkat master dalam bidang falsafah di Universiti of Kent di Canterbury England. Matapelajaran tersebut merupakan matapelajaran baru di Universiti Malaya pada masa tersebut dan dengan itu beliau sendiri terpaksa menyediakan nota dan mencari rujukan bagi memastikan pengajian tersebut berjalan dengan baik dan lancar. Dengan ini banyak ilmu beliau dapat direalisasi dan dicurahkan kepada para pelajar.¹³¹

Disamping itu Ustaz Abu Bakar Hamzah juga banyak terlibat dalam aktiviti-aktiviti ilmiah yang lain seperti menjadi ahli panel di dalam forum-forum politik dan lain-

¹³⁰ *Ibid*, h.24.

¹³¹ Ustaz Abu Bakar Hamzah (1989), *Qua Vadis Pas? Polemik Spontan Di Antara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslim*, Selangor: Polygraphic Press Sdn Bhd, h.125.

lain yang diadakan pada masa tersebut. Ustaz Abu Bakar Hamzah beberapa kali telah mewakili PAS sebagai ahli panel berhujah dalam tajuk-tajuk yang ditetapkan bersama wakil dari parti politik dan pertubuhan sosial yang dijemput. Pendapat, hujah dan ulasan yang diberikan oleh beliau begitu berasa sekali dan telah menarik perhatian ribuan mahasiswa yang mengikuti forum tersebut. Maka tidak hairanlah jika beliau turut diundang oleh persatuan mahasiswa di Universiti Malaya (UM) yang didominasikan oleh kaum Cina di majlis forum yang dianjurkan oleh mereka. Semasa Ustaz Abu Bakar Hamzah menjadi ahli panel di dalam forum yang dianjurkan oleh PUSPITA, beliau telah berjaya menarik mahasiswa bukan Islam untuk mengenali dan menghayati keindahan, keadilan dan keagungan agama Islam dan sistem yang dibawanya.¹³²

Beliau juga pernah diundang oleh Persatuan Persaudaraan Siswazah Kristian (Graduate Christian Fellowship) Malaysia untuk memberi ceramah yang bertajuk Pengislaman Dalam Konteks Masyarakat Berbagai Agama pada bulan Oktober 1987.¹³³

Pada tahun 1987 juga, beliau menjadi Pensyarah di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia selama tiga tahun sehingga tahun 1990.¹³⁴

Jasa beliau didalam bidang pendidikan dan penyebaran ilmu serta agama Islam tidak dapat dinafikan lagi oleh mana-mana pihak terutamanya penglibatan beliau secara

¹³² *Ibid*, h.147.

¹³³ Abu Bakar hamzah (1990), *Pengislaman Dalam Konteks Masyarakat Berbagai Agama*, Kuala Lumpur: Pustaka Antarabangsa, h. 1.

¹³⁴ Alias Mohamed (2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, h.30.

langsung bagi menubuhkan Pusat Pengajian Islam yang bertempat di Nilam Puri, Kelantan. Kini pusat pengajian tersebut dikenali sebagai Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.¹³⁵ Jasa beliau dalam bidang pendidikan amat besar dan bermakna bagi negara. Semoga Allah SWT membalas segala jasa yang telah beliau curahkan.

3.5 PENGLIBATAN POLITIK

Dalam mengharungi liku-liku politik tanah air, Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan seorang yang bijak dan cergas di dalam bidang dan ilmu politik. Dengan kebolehan dan kemampuan yang beliau ada, beliau telah diberi amanah untuk memegang dan menyandang beberapa jawatan yang penting di dalam bidang politik.

Pada peringkat awal, Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan penyokong dan ahli UMNO. Beliau mula bergiat cergas dalam bidang politik bermula pada tahun 1952 dengan menyandang jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO Perlis.¹³⁶ Pada masa tersebut beliau bekerja sebagai Penolong Setiausaha di Pejabat Zakat Perlis.

Tidak berapa lama kemudian Ustaz Abu Bakar Hamzah telah berubah fikiran dan berubah fahaman politik dengan menyokong parti PAS dan berjuang serta bekerja untuk parti tersebut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pemuda Pas Pusat enam tahun

¹³⁵ Amaluddin Darus (1977), *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*, Kuala Lumpur: Harimau Press Sdn Bhd, h.173

¹³⁶ Alias Mohamed (2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, h. 5.

kemudian iaitu pada tahun 1958. Jawatan ini disandang oleh beliau bagi menggantikan Ustaz Haji Hassan Adli.¹³⁷

Semasa menyandang jawatan tersebut beliau turut terlibat di dalam ceramah-ceramah politik yang diadakan oleh Parti PAS. Ceramah dan ucapan beliau di medan politik sangat mengagumkan. Oleh kerana ucapan beliau yang bersemangat dan lantang menyebabkan para pendengar tidak berganjak dari tempat duduk biarpun hujan turun dengan begitu lebat sekali. Dari sini bermulalah satu permulaan pencapaian karier politik beliau sehingga beliau hampir mencapai kemuncak dalam susun lapis Parti PAS.

Pada tahun 1960 pula, Ustaz Abu Bakar Hamzah telah memangku jawatan Setiausaha Agung PAS.¹³⁸ Diantara jawatan lain yang pernah diamanahkan kepada beliau ialah jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat (ADUN) semasa pilihanraya kecil di Bachok Kelantan selama lima tahun iaitu pada tahun 1964 sehingga tahun 1969. Pilihan raya tersebut diadakan setelah kematian Zulkifli Muhammad bersama isterinya yang merupakan Ahli Dewan Rakyat di kawasan tersebut kerana kemalangan jalan raya di Kuantan. Setelah Ustaz Abu Bakar Hamzah menang pilihanraya tersebut dan beliau telah berpindah dan menetap di Bachok.¹³⁹

Pada tahun 1969, Ustaz Abu Bakar Hamzah sekali lagi bertanding di dalam pilihan raya. Pada kali ini beliau mencuba nasib dengan bertanding di dalam pilihanraya

¹³⁷ *Ibid*, h.6.

¹³⁸ *Ibid*, h.24.

¹³⁹ Amaluddin Darus (1977), *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*, Kuala Lumpur: Harimau Press Sdn Bhd, h.173.

umum diatas tiket parti PAS di dalam kawasan DUN Sanglang Perlis. Dalam pilihanraya tersebut beliau telah kalah tipis kepada calon parti Perikatan En. Jaafar bin Hassan dengan majoriti lima undi.¹⁴⁰ Dalam masa yang sama beliau juga turut bertanding dalam kawasan Parlimen Perlis Selatan. Dalam pertandingan tersebut, beliau turut tewas kepada calon parti lawan Haji Mokhtar bin Haji Ismail yang mewakili parti Perikatan dengan majoriti 1203 undi. Namun begitu, beliau tidak pernah putus asa dalam memperjuangkan politik Islam di Malaysia. Walaupun beliau tewas dalam pilihanraya, beliau bertambah bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam memikul amanah dan tanggungjawab yang diamanahkan dan diarahkan oleh pimpinan parti. Ini menyebabkan nama beliau sering disebut dan terpilih di dalam senarai calon-calon pilihan di dalam jawatan tertinggi parti PAS.¹⁴¹

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang politik, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Senator selama satu penggal bermula pada tahun 1972 sehingga tahun 1977. Pada masa tersebut juga, beliau turut menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung PAS dan berpangkat sebagai ‘Naib Yang Dipertua Agung’ parti¹⁴².

Semasa parti PAS menyertai Barisan Nasional dan mewujudkan Kerajaan campuran pada tahun 1973, Ustaz Abu Bakar Hamzah telah dilantik ke jawatan yang agak tinggi dan penting di dalam bidang politik iaitu jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar selama dua tahun bermula pada tahun 1973

¹⁴⁰ Hj. Hassan Hj. Hamzah (2004), *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Selangor: Ebiza Pack Sdn Bhd, h. 10.

¹⁴¹ *Ibid*, h.11.

¹⁴² *Ibid*, h.179.

sehingga tahun 1974. Jawatan ini merupakan jawatan yang tertinggi dan terpenting yang pernah beliau sandang sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang politik tanah air. Ini membuktikan dan menunjukkan bahawa beliau juga turut terlibat di dalam proses pembentukan Kerajaan Campuran 1973. Jawatan tersebut merupakan amanah dan juga kepercayaan serta tanggung jawab yang telah diberikan kepada beliau sepanjang penglibatan beliau dalam bidang politik tanah air.¹⁴³

Pada tahun 1974 beliau telah meletak jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Malaysia. Pada tahun 1974 juga, beliau telah memilih untuk bertanding di dalam pilihanraya umum pada masa tersebut sebagai calon bebas. Pada tahun yang sama juga Ustaz Abu Bakar Hamzah telah digantung keahliannya sebagai ahli PAS¹⁴⁴. Selepas peristiwa tersebut beliau memilih untuk membawa diri dan merantau di negara Eropah bermula pada tahun 1976. Beliau kemudiannya kembali semula ke tanahair pada tahun 1981 setelah menamatkan pengajian beliau pada peringkat Master di England.

Pada tahun 1976 juga, semasa beliau ingin meninggalkan negara Malaysia untuk pergi menjelajah ke Timor Tengah, Afrika Utara dan Asia Barat beliau telah berubah fikiran untuk meninggalkan sementara jawatan-jawatan politik beliau di Malaysia untuk meneruskan pengajian di peringkat Master Philosophy (Sarjana Falsafah) dalam bidang Hal Ehwal Tenggara (Political Science) di Universiti of Kent yang terletak di negara

¹⁴³ *Ibid*, h.179.

¹⁴⁴ *Ibid*, h.185.

England.¹⁴⁵ Turut bersama beliau meninggalkan Malaysia ialah isteri dan seorang anak kesayangan beliau.¹⁴⁶

Pada tahun 1983, Ustaz Abu Bakar Hamzah diterima kembali menjadi ahli Pas setelah dipecat keahliannya selama lebih kurang 10 tahun. Dalam pilihan muktamar tahun 1983, beliau telah dipilih dan memenangi kerusi AJK (Ahli Jawatankuasa Agung) tertinggi Pas in absentia (tanpa hadir). Ini menunjukkan bahawa khidmat beliau masih diperlukan dalam parti Pas dan pemikiran serta gerak kerja beliau pada masa tersebut masih boleh diterima dan diguna pakai oleh pimpinan dan ahli PAS.

Jasa-jasa beliau dalam bidang politik dapat dilihat sehingga ke hari ini. Gambar beliau juga turut terpampar di Pusat Tarbiah Islam Kelantan (PUTIK) sebagai pemimpin utama PAS pada masa yang lepas.

3.6 MENGHASILKAN KARYA-KARYA ILMIAH

Setelah Ustaz Abu Bakar Hamzah menamatkan pengajian beliau peringkat master di Universiti of Kent pada tahun 1981, beliau telah kembali ke tanah airnya yang tercinta dan menetap di Jalan Raja Abdullah, Kampung Bharu, Medan Tuanku, Kuala Lumpur.¹⁴⁷

¹⁴⁵ Abu Bakar Hamzah (tt), *Zaman UMNO – PAS Bersatu*, Kuala Lumpur: Media Cendiakawan. h. 118.

¹⁴⁶ Alias Mohamed (2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, h. 18.

¹⁴⁷ Abu Bakar Hamzah (1983), *Islam Dan Konsep Pandang Ke Timur*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi, h. 15.

Pada masa tersebut, beliau lebih menumpukan perhatian beliau di dalam bidang penulisan. Ini kerana beliau sangat berminat di dalam bidang penulisan dan beliau merupakan seorang yang kreatif dalam menghasilkan karya ilmiah dan politik. Walaupun semasa beliau bergiat aktif di dalam bidang politik, beliau tetap meluangkan masa untuk mencari bahan-bahan ilmiah dan mengarang serta menghasilkan buku. Inilah kelebihan yang dikurniakan oleh Allah Taala kepada Ustaz Abu Bakar Hamzah walaupun beliau sibuk didalam bidang politik namun beliau tetap sempat dan dapat meluangkan masa untuk menambahkan ilmu di dada serta mengarang dan menulis artikel-artikel di akhbar serta menyusun dan menterjemah buku-buku ilmiah.

Sepanjang hidup beliau, telah banyak buku-buku ilmiah yang telah dikaji, diolah, diterjemah dan dikarang serta disusun oleh beliau. Buku tersebut masih boleh diguna pakai dan dibuat rujukan sehingga hari ini. Buku-buku dan hasil karya beliau banyak terdapat di Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Diantara buku dan hasil karya serta penulisan yang telah beliau ketengahkan buat tatapan dan bacaan umum ialah kitab dan buku yang bertajuk:

1. Ke Arah Perlembagaan Islam
2. Kemanusiaan Dan Rukun Negara.
3. Konsep Kepimpinan Ulamak Dalam Politik.
4. Terjemahan Sahifah Madinah (Perlembagaan Madinah).

5. Ulasan perlumbagaan Madinah Bersama Prof. Ahmad Ibrahim dan Prof. Dzafir al-Qasimi dari Syria.
6. Risalah “Islam dan Nasionalisme di Malaysia”.
7. Terjemahan “Peranan Angkatan Sopi Dalam Arena Politik”.
8. Pengislaman Dalam Konteks Masyarakat Berbagai Agama (ceramah kepada Persatuan Siswazah Kristian bulan Oktober 1987)
9. Islam Menyelesaikan Masalah Kemasyarakatan.
10. Imam Ghazali sebagai Ahli Sains Politik.
11. Bahan Penulisan Ke Arah Sistem Sistem Pemikiran Islam. (Suatu Perbandingan dengan Lateral Thinking oleh Dr. Edward De Bono dan Minda Santai Bina Ungku Aziz)..
12. Sejarah Kebudayaan Islam.
13. Qua Vadis Pas? Polemik Spontan Di Antara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslim.
14. Islam Dan Konsep Pandang Ke Timur.
15. Al-Imam – Its Role in Malay Society 1906-1908
16. Kegemilangan Islam dan Kedaulatan Bangsa – Zaman UMNO-PAS Bersatu.
17. The Gulf Crisis: The Kuwaiti Perspective.
18. Peranchang Keluarga.
19. Krisis Teluk: Mencari Kebenaran.
20. Events That Led To Gulf War.
21. Invasion Of Kuwait by Iraq 1990
22. Takhta Kekal Di Tangan Rakyat.

23. Islam dan Nasionalisme di Malaysia
24. The Political Aspect of The Muslim Fundamentalist Movement in Malaysia during 1906-1908
25. Event The Led To Gulf War
26. Pengajian Islam : Budi Pekerti Dalam Muamalat
27. Senatur Abu Bakar Hamzah lawan Kassim Ahmad PSRM
28. Continuity and Tradition ; Southeast Asian Affairs 1989

Pada pandangan penulis, Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan seorang pemikir dan penulis buku yang hebat kerana beliau dapat mengarang pelbagai jenis buku terutamanya dalam bidang politik Islam sepanjang hayat beliau. Buku-buku beliau juga dapat dijadikan panduan oleh para politikus Islam pada hari ini.

3.7 KEMBALI KE RAHMATULLAH

Setelah banyak mencerahkan keringat dan jasa, akhirnya Ustaz Abu Bakar Hamzah telah dijemput kembali ke pangkuan Illahi. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir dan pulang ke rahmatullah pada 18 Mei 1993 bersamaan 1411 H di negeri Kelantan Darul Naim iaitu negeri yang paling disanjungi dan disayangi.¹⁴⁸

¹⁴⁸ Alias Mohamed 2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, h. 79.

Pada masa tersebut usia beliau mencapai 68 tahun. Beliau kemudiannya dikafankan dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kampung Nilam Puri Kota Bharu Kelantan. Pusara beliau masih elok dan boleh dilihat sehingga hari ini.

Semasa beliau meninggal dunia, beliau telah meninggalkan dua orang balu dan lima orang anak. Sumbangan beliau selama 41 tahun bermula pada tahun 1952 sehingga tahun 1993 di dalam bidang politik banyak memberikan perubahan terhadap politik tanahair terutamanya politik Islam. Bermula dari titik penglibatan beliau dalam bidang politik sehinggalah ke akhir hayat beliau cukup bermakna buat masyarakat Malaysia pada masa kini demi membawa kearah politik Islam yang lebih baik. Semoga roh beliau dirahmati dan diberkati oleh Allah S.W.T.

3.8 KESIMPULAN

Daripada penelitian penulis dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan seorang tokoh politik Islam yang hebat sepanjang hayat beliau bermula dari awal kehidupan beliau sehinggalah ke akhir hayat. Beliau banyak memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat terutama buah pemikirannya di dalam bidang pentadbiran dan politik Islam di Malaysia. Dalam bab seterusnya penulis akan membincangkan tentang pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah yang merupakan tajuk disertasi ini.

BAB KEEMPAT

Analisa Pemikiran Politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah

4.1 Pendahuluan

Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan salah seorang pimpinan dan juga ahli politik yang agak masyhur di Malaysia pada awal 1980an. Kewujudan seseorang pemimpin masyarakat Islam baik yang diberi nama Imam, Khalifah, Raja atau sebagainya adalah suatu keperluan yang wajib dipenuhi.¹⁴⁹ Sebagai seorang bekas pemimpin, Ustaz Abu Bakar Hamzah banyak memberikan idea dan juga pandangan dari sudut pentadbiran dan kepimpinan. Dengan sebab itu Ustaz Abu Bakar Hamzah telah banyak memberikan sumbangan yang penting dalam mewujudkan pemimpin masyarakat Islam dan juga

¹⁴⁹ Al-Mawardi, ‘Ali bin Muhammad (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 5.

pemikiran politik Islam di Malaysia. Antara bidang pentadbiran dan politik Islam yang disentuh oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah ialah:

1. Perlembagaan Negara Islam
2. Cara Melaksanakan Sistem Pemerintahan Islam
3. Ciri-ciri Ketua Negara
4. Perlantikan Ketua Negara
5. Bidang Kuasa Angkatan Tentera
6. Ciri-Ciri dan Perlantikan Ketua Hakim
7. Pembahagian tugas Hakim-Hakim
8. Cara Perlantikan dan Bidang Tugas Wali (Amir)
9. Pembahagian Tugas Pentadbiran Negara
10. Sistem Parlimen
11. Peraturan Kemasyarakatan
12. Sistem Ekonomi
13. Polisi Pendidikan

4.2 NEGARA ISLAM

4.2.1 PERLEMBAGAAN NEGARA ISLAM

Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, perlembagaan Islam merupakan asas kepada sesebuah Negara. Oleh yang demikian Perlembagaan Islam

merupakan asas bagi penubuhan sebuah Negara Islam yang berteraskan ‘Akidah Islamiah’. Sehubungan itu ‘Akidah Islamiah’ hendaklah menjadi tonggak bagi Perlembagaan dan segala perundangan yang terdapat di dalam perlembagaan hendaklah lahir dari ‘Akidah Islamiah’ itu sendiri.¹⁵⁰

Dalam menentukan corak perlembagaan sesebuah negara samada menurut Islam atau tidak, Ustaz Abu Bakar Hamzah mendefinisikan Negara Islam sebagai sebuah negara yang melaksanakan hukum hakam Islam dan keamanannya mesti menurut dasar keamanan Islam sendiri. Adapun Negara Kafir ialah negara yang mengamalkan sistem dan peraturan yang bukan Islam dan keamanannya juga bukan keamanan secara Islam.¹⁵¹ Definisi ini diambil daripada definisi yang diguna pakai oleh Parti Hizb Al-Tahrir di dalam cadangannya kepada Imam Khomeini dan jawatankuasa pakar di Tehran.

Pada pandangan beliau, bangsa dan negara Malaysia telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan dan dengan nama Allah negara ini telah diwujudkan sebagai sebuah bangsa dan negara yang berdaulat. Sementara itu agama Islam merupakan agama rasmi persekutuan. Adapun agama-agama dan kepercayaan–kepercayaan yang lain boleh diamalkan dengan aman dan bebas di negara ini.¹⁵²

¹⁵⁰ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 1.

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 1.

¹⁵² Abu Bakar Hamzah (1971), *Kemanusiaan dan Rukun Negara*, Kota Bharu: Percetakan Muslim, h. 68.

Beliau juga menegaskan bahawa Negara Islam dan juga para pemimpinnya tidak boleh membeza-bezakan diantara rakyat sama ada dari segi hukum pemerintahan atau kehakiman ataupun urusan-urusan umum. Bahkan negara hendaklah memandang sama rata terhadap semua rakyat dengan tidak menghiraukan keturunan, agama, warna kulit bangsa dan sebagainya. Kemuliaan yang Tuhan berikan kepada makhluk yang bernama manusia ini menurut keterangan Al-Quran dan Hadis bukanlah dikhaskan bagi mana-mana keturunan yang tertentu dan bukan juga khusus bagi mana-mana bangsa tetapi semua keturunan Adam a.s tidak kira bangsa atau puak berhak menikmati kemuliaan itu.¹⁵³

Ustaz Abu Bakar Hamzah juga ada menyatakan bahawa Negara Islam juga hendaklah melaksanakan hukum syara' ke atas semua orang yang mempunyai kewarganegaraan Islam dan kitab Al-Quran, Sunnah, Ijma' Sahabah dan Qiyas sahajalah yang diakui sebagai dalil-dalil kepada segala hukum-hukum syara' yang sah. Maka segala perbuatan adalah terikat kepada hukum syara'.¹⁵⁴

Sebahagian ulama berpendapat bahawa apabila tidak ada Negara Islam, maka menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk menubuhkan Harakah Islam kerana bai'ah, wala' dan taat setia umat Islam hanya boleh

¹⁵³ *Ibid*, h. 7.

¹⁵⁴ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 5.

diberikan kepada kepimpinan Islam dalam Negara yang melaksanakan peraturan Islam.¹⁵⁵

Daripada apa yang dijelaskan di atas, maka jelaslah bahawa Ustaz Abu Bakar Hamzah meletakkan agama Islam sebagai asas bagi pentadbiran sesebuah negara dengan mengguna pakai segala peraturan yang telah dibawa oleh Islam.

4.2.2 CARA PELAKSANAAN PEMERINTAHAN ISLAM

Ustaz Abu Bakar Hamzah menyatakan bahawa sistem pemerintahan Islam adalah satu sistem Kesatuan (Union) dan bukan sistem Persekutuan (Federation). Pemerintahan Islam hendaklah berbentuk “Pusat” (Central), akan tetapi pentadbirannya pula hendaklah berbentuk tempatan (Local). Para pemerintah Negara Islam hendaklah terdiri daripada empat peringkat iaitu:-

1. Khalifah.
2. Mu’awin al-Tafwidh (Penolong Penguasa).
3. Al-Wali (Ketua Wilayah).
4. Al-‘Amil (Ketua Jabatan).

¹⁵⁵ Ustaz Haji Hassan Shukri (2002), Ke Arah Memahami Dasar Dan Pegangan PAS Selangor: Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, h. 8.

Menurut beliau lagi, selain daripada empat peringkat di atas, ianya tidak dikira sebagai pemerintah tetapi hanyalah sebagai pegawai yang melaksanakan tugas sahaja.¹⁵⁶ Ini bermakna Ustaz Abu Bakar Hamzah hanya menjadikan empat peringkat diatas sebagai tiang ataupun asas bagi sebuah pemerintahan Negara Islam.

Pemerintahan merupakan satu amanah yang besar yang mesti dipikul oleh para pemimpin dengan cara yang adil dan saksama menurut ajaran Islam. Ianya berdasarkan firman Allah Taala:



Surah al- Ahzab (33): 72.

Maksudnya:

¹⁵⁶ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 6.


“Sesungguhnya telah Kami berikan amanah (perintah) kepada petala langit dan bumi dan gunung-ganang lalu mereka enggan memikulnya dan takut menerimanya kemudian amanah itu dipikul oleh manusia, sesungguhnya manusia itu bersifat aniaya dan jahil”.¹⁵⁷

Dari segi politik, amanah yang dipersoalkan oleh Allah Taala di akhirat kelak ialah cara dan corak seseorang pemerintah itu menunaikan amanah dengan jalan yang betul serta memberi hak kepada orang-orang berhak dan menegakkan keadilan dikalangan orang ramai.¹⁵⁸ Allah Taala ada menegaskan mengenai amanah yang menjadi asas tempat berkisar dan beredarnya segala konsep pemerintahan sebagaimana FirmanNya:



¹⁵⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzu'*, Kuala Lumpur: Darul al-Fikr, h. 922.

¹⁵⁸ Abu Bakar Hamzah (1983), *Konsep Kepimpinan Ulama Dalam Politik*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi, h. 40.



Surah al- Nisa' (04): 58

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada orang-orang yang berhak mendapatnya dan apabila kamu menghukum antara manusia maka hendaklah kamu menghukum dengan adil, sesungguhnya Allah sebaik-baik pengajar bagi kamu, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.¹⁵⁹

Sementara itu menurut Dr Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari,¹⁶⁰ syura merupakan kaedah pemerintahan yang terpenting dalam Islam. Ia merupakan cara yang terbaik yang boleh membawa pemerintah serta pihak yang bertanggungjawab ke arah memperolehi pendapat yang terunggul serta penyelesaian yang terbaik sama ada terhadap masalah yang dihadapi oleh negara ataupun sesuatu kebaikan yang ingin

¹⁵⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzu'*, Kuala Lumpur: Darul Al-Fikr, h. 62.

¹⁶⁰ Beliau merupakan salah seorang pensyarah bertaraf Profesor Madya di Universiti ‘Ajman. Beliau juga pernah berkhidmat di Universiti al-Malik Su’ud sebelum itu. Pendekatan beliau lebih menjurus kepada manhaj “salafi”.

dicapai oleh negara. Tiada jalan lain bagi pemimpin negara untuk mengelak daripada syura.¹⁶¹

4.2.3 PEMBAHAGIAN TUGAS PENTADBIRAN NEGARA

Kestabilan politik sesebuah negara bergantung kepada corak pentadbiran negara itu sendiri. Dalam mencorakkan pentadbiran negara, Ustaz Abu Bakar Hamzah mencadangkan agar urusan pentadbiran dikuasai oleh beberapa pusat, jabatan dan unit-unit yang bertanggungjawab mempertingkatkan mutu pentadbiran negara dan menunaikan kepentingan orang ramai.¹⁶² Ianya hendaklah diasaskan kepada kemudahan peraturan dan penyegeeraan pelaksanaan tugas serta kecekapan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab bagi tujuan tersebut.

Menurut beliau, sesiapa jua yang mempunyai kerakyatan negara Islam dan yang mempunyai kelayakan, tidak kira sama ada dia seorang lelaki atau perempuan atau dia seorang muslim atau bukan muslim boleh dilantik menjadi pengarah bagi satu-satu pusat pentadbiran serta satu-satu unit pentadbiran dan boleh dilantik sebagai pegawai biasa di situ. Semua pengarah di semua pusat pentadbiran, jabatan dan unitnya tidak boleh dipecat melainkan dengan bersebab menurut peraturan am pentadbiran. Akan tetapi boleh ditukar dari satu jenis kerja kepada jenis kerja lain serta bleh dibekukan dari jawatan tersebut. Perlantikan,

¹⁶¹ Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari, Dr (2008), *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Zahazan Mohamed (terj.), Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., h. 66.

¹⁶² Abu Bakar Hamzah (1983), *Konsep Kepimpinan Ulama Dalam Politik*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi, h. 36.

pemindahan, pembekuan, penghukuman tata tertib dan pemecatan mereka adalah dilakukan oleh pihak yang menjadi kuasa tertinggi bagi urusan tadbir di pusat, jabatan atau unit masing-masing.¹⁶³

4.3 KETUA NEGARA

4.3.1 CIRI-CIRI KETUA NEGARA

Setiap organisasi sudah pasti mempunyai pemimpin-pemimpin yang hebat yang mampu untuk membawa sebuah organisasi itu kearah yang lebih baik dan berjaya. Begitu juga dalam soal pemerintahan yang sudah pasti pemimpinnya adalah seorang yang hebat dan bijak. Dalam hal ini, Ustaz Abu Bakar Hamzah telah menyatakan bahawa ciri-ciri seorang pemimpin bagi sesebuah Negara Islam itu ialah¹⁶⁴:-

I. Lelaki

Pemerintah atau pemimpin sesebuah Negara Islam itu hendaklah seorang lelaki yang dewasa kerana kaum wanita tidak layak menjadi seorang pemimpin di dalam Islam kecuali untuk memimpin kaum wanita sahaja.

II. Muslim

¹⁶³ *Ibid*, h. 37

¹⁶⁴ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 10.

Pemimpin Negara Islam hendak merupakan seorang Muslim yang sejati yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Ia merupakan antara ciri yang paling utama di dalam perlantikan ketua dan pemerintah bagi Negara Islam.

III .Akil Baligh

Seseorang pemimpin juga haruslah seorang dewasa yang berakal dan waras agar dapat memikirkan dengan cara yang positif corak pemerintahan yang adil, baik dan sebagainya serta dapat menjaga kebijakan dan kepentingan rakyat dibawah naungannya.

IV. Merdeka

Pemimpin juga mestilah merupakan seorang yang merdeka kerana hanya mereka yang merdeka dapat memimpin sesebuah masyarakat dan negara kerana pemimpin tersebut tidak terikat kepada perintah orang lain kecuali Allah swt sahaja.

V. Waras

Mempunya fikiran yang waras juga menjadi aspek yang penting dalam pemilihan pemimpin kerana hanya orang yang waras sahaja dapat menjadi pemimpin yang baik.

VI. Adil

Keadilan merupakan satu kemestian dalam pemerintahan Islam kerana agama Islam memerintahkan manusia berlaku adil di dalam semua aspek kehidupan termasuklah pemerintahan.

Selain daripada itu, menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah seseorang pemimpin itu mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan sekurang-kurangnya ia tidaklah buta Quran dan buta Hadis.¹⁶⁵ Ini kerana Tuhan mengajar manusia pelbagai ilmu dan kemudiannya dibentangkan kepada para malaikat, lalu malaikat tunduk kepada kebenaran ilmu pengetahuan yang diberikan Tuhan kepada manusia. Ini bererti bahawa tugas khalifah itu memerlukan ilmu pengetahuan yang tinggi di dalam bidang-bidang yang tertentu. Dalam pada itu, parti PAS juga turut menekankan serta menjadikan kepimpinan ulama sebagai asas kepimpinan ummah. Ianya tidak terbatas oleh sempadan geografi, bahasa, kaum atau bangsa.¹⁶⁶

¹⁶⁵ *Ibid*, h. 6.

¹⁶⁶ Senator Ustaz Haji Hassan Shukri (2002), *Ke Arah Memahami Dasar Dan Pegangan PAS*, Selangor: Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, h. 8.

Hujjatul Islam Sayyid ‘Ali Khamena’i selaku Presiden Negara Iran di dalam ucapannya semasa perhimpunan agung U.N pada 22 September 1987 ada menyebutkan bahawa seseorang itu boleh membangunkan dunia ciptaannya yang paling indah berdasarkan dua sayap utama iaitu keyakinan dan ilmu pengetahuan.¹⁶⁷

Ini menunjukkan bahawa ilmu merupakan asas yang paling penting yang perlu ada di dalam diri seseorang pemimpin dalam pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Boleh dikatakan semua pemimpin termasuklah Ustaz Abu Bakar Hamzah mengatakan bahawa ilmu adalah asas bagi kepimpinan yang baik.

Dr Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari pula menyatakan bahawa wajib melantik pemimpin yang bertanggungjawab menjaga urusan agama dan menjaga urusan kehidupan umat Islam, menyekat keganasan musuh, membantu orang yang dizalimi, adil, menjaga keamanan negara, keselamatan rakyat dan mencegah elemen kerosakan.¹⁶⁸ Dalam pada itu beliau juga meletakkan beberapa syarat yang mesti dipenuhi untuk memegang jawatan khalifah iaitu mukallaf, lelaki, adil, berilmu dan pengetahuan, mempunyai keupayaan berpolitik, berketurunan Quraisy, merdeka dan sempurna pancaindera serta anggota badan.¹⁶⁹

¹⁶⁷ Syed Jaffar Alsagoff (1991), *After Imam*, Kuala Lumpur: University Publication, h. 53.

¹⁶⁸ Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari, Dr (2008), *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Zahazan Mohamed (terj.), Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., h. 127.

¹⁶⁹ *Ibid*, h. 140.

Pendapat Dr Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari adalah lebih terperinci berbanding pendapat yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah. Ini menunjukkan bahawa kadangkala pendapat yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah adalah secara ringkas.

4.3.2 CARA PERLANTIKAN KETUA NEGARA

Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, Ketua Negara dilantik berdasarkan cara-cara berikut:¹⁷⁰

- I) Anggota-anggota parlimen yang beragama Islam hendaklah menentukan senarai pendek calon-calon bagi ketua negara dan mengistiharkan nama-nama mereka serta meminta orang-orang Muslim memilih mana-mana calon dari nama-nama yang disenaraikan.
- II) Parlimen hendaklah mengistiharkan keputusan pemilihan itu agar diketahui oleh rakyat siapakah yang mendapat majoriti dalam pemilihan tersebut.

Orang-orang Muslim hendaklah segera melakukan janji taat setia kepada calon yang mendapat majoriti sebagai Ketua Negara dengan janji beramal dengan Al-Quran dan Sunnah Rasul saw.

¹⁷⁰ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 11.

Selepas selesai janji taat setia tersebut, perlmen hendaklah mengistiharkan secara rasmi siapakah yang sudah sah menjadi Ketua Negara agar orang ramai mengetahui berita tersebut dengan menyatakan nama dan sifat-sifat yang melayakkan beliau menjadi Ketua Negara.

Menurut Dr Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari pula berpendapat, cara-cara pelantikan pemimpin terbahagi kepada dua iaitu pemilihan dan paksaan. Pemilihan dibuat adalah berdasarkan pembaianah yang dibuat oleh *ahl al-hil wa al-‘aqd* (ulama syar’iyyah yang muktabar). Sementara paksaan pula dilakukan dengan cara paksaan oleh seseorang yang mempunyai kekuatan. Jika pada suatu masa sesebuah negara itu tidak mempunyai pemerintah, lalu datang seorang yang berkelayakan dan memaksa rakyat dengan menggunakan kekuatan dan bala tenteranya tanpa sebarang baiah atau pelantikan, maka pada ketika itu baiahnya sah dan wajib ditaati.¹⁷¹

Pendapat ini adalah berbeza berbanding pendapat yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah yang tidak membahagikan perlantikan pemimpin kepada dua jenis iaitu pemilihan dan paksaan.

¹⁷¹ Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari, Dr (2008), *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Zahazan Mohamed (terj.), Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., h. 149.

4.4 KETENTERAAN

Dalam membicarakan soal angkatan tentera yang merupakan tonggak keamanan dalam sesebuah negara, Ustaz Abu Bakar Hamzah telah membahagikan urusan ketenteraan kepada empat pecahan iaitu:-

- a) Urusan Luar Negeri
- b) Urusan Perang
- c) Urusan Keamanan Dalam Negeri
- d) Perusahaan

Jabatan Urusan Luar Negeri (Exterior) merupakan satu pecahan ketenteraan yang menguasai urusan luar negeri yang ada hubungan di antara Negara dengan negara-negara asing yang lain.¹⁷²

Jabatan Urusan Perang pula mengusai semua urusan yang berkaitan dengan Angkatan Bersenjata termasuklah tentera, polis, persiapan senjata, tugas-tugas tentera, kelengkapan perang dan sebagainya. Ia juga termasuk urusan mendirikan maktab-maktab tentera, perwakilan tentera ke luar negeri dan apa jua yang mustahak bagi kebudayaan Islam dan kebudayaan umum untuk tentera serta apa-apa yang berkaitan dengan urusan perang dan persiapan untuknya.¹⁷³

¹⁷² Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 22.

¹⁷³ *Ibid*, h. 22.

Jabatan Keamanan Dalam Negeri (Interior) merupakan jabatan yang bertanggungjawab mentadbirkan apa-apa yang berkaitan dengan keamanan. Jabatan ini mengusai urusan memelihara keamanan di dalam negeri dengan menggunakan angkatan bersenjata atau polis sebagai cara utama untuk memelihara keamanan.¹⁷⁴

Jabatan Perusahaan pula (Industry) ialah jabatan yang menguasai semua urusan yang berkaitan dengan perusahaan ketenteraan, sama ada perusahaan berat seperti membuat jentera dan lain-lain alatan besar, kenderaan, perusahaan barang-barang keperluan, perusahaan elektronik dan perusahaan ringan yang mempunyai kaitan dengan perusahaan membuat barang-barang kelengakapan perang. Perusahaan tersebut tidak tertakluk kepada perusahaan milik kerajaan sahaja tetapi termasuk milik perseorangan (Private Sector).¹⁷⁵

Mengenai angkatan tentera pula, Ustaz Abu Bakar Hamzah menyatakan bahawa setiap orang Muslim lelaki yang sudah berumur 15 tahun adalah diwajibkan menjalani latihan tentera sebagai persiapan untuk berjihad. Adapun memasuki angkatan tentera secara rasmi adalah fardhu kifayah. Ini kerana jihad merupakan fardhu ke atas Ummah Islam.¹⁷⁶

Ini bermakna Ustaz Abu Bakar Hamzah menetapkan bahawa setiap warganegara lelaki yang berumur 15 tahun mestilah menjalani latihan ketenteraan sebagai persediaan di masa hadapan.

¹⁷⁴ *Ibid*, h. 22.

¹⁷⁵ *Ibid*, h. 23.

¹⁷⁶ *Ibid*, h. 23.

4.5 KEHAKIMAN

Badan Kehakiman merupakan satu badan yang penting bagi melaksanakan undang-undang sesebuah negara. Setiap negara mestilah mempunyai satu badan kehakiman yang mantap bagi menjadikan negara itu aman serta tidak timbul huru-hara dikalangan masyarakat. Ia merupakan badan yang membuat penyelesaian diantara orang ramai atau mencegah apa-apa yang boleh mendatangkan bahaya terhadap hak masyarakat serta meredakan perbalahan dikalangan masyarakat.

Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, Khalifah berkuasa melantik seorang Ketua Hakim diantara orang-orang Muslim lelaki yang baligh, merdeka, berakal dan adil serta mempunyai ilmu dalam bidang undang-undang Fikah. Dengan demikian, Ketua Hakim itu akan mempunyai bidang kuasa untuk melantik beberapa hakim lain dan berkuasa mengenakan hukuman tata-tertib keatas mereka bahkan boleh memecat mereka tertakluk kepada Peraturan Pentadbiran.¹⁷⁷

Keadilan merupakan aspek penting bagi melantik Hakim kerana ia merupakan asas bagi segala hukum hakam di dalam Islam terutama bidang hubungan diantara manusia, orang perseorangan dan masyarakat. Malah di dalam syariat Tuhan sebelum datangnya Nabi Muhammad s.a.w, keadilan juga menjadi asas yang utama dalam kehidupan. Jika berlaku perperangan didalam mana-mana umat yang berpegang dengan

¹⁷⁷ *Ibid*, h. 27.

syariat Allah, maka keadilan hendaklah menjadi asas dan panduan di dalam setiap tindakan.¹⁷⁸

Sementara itu, Ustaz Abu Bakar Hamzah telah membahagikan kehakiman kepada tiga bahagian iaitu:

- a) Hakim (Judge) ; dan dialah yang berkuasa membuat penyelesaian terhadap perselisihan dikalangan orang ramai dalam perkara-perkara muamalat dan jinayah.
- b) *Muhtasib* (Arbitrator) ; dialah yang akan bertugas menyelesaikan penyelewengan yang boleh mendatangkan bahaya terhadap hak orang ramai.
- c) Hakim Khas untuk Kezaliman yang dinamakan “*Qadhi al-Mazhalim*”. Hakim inilah yang berkuasa membuat penyelesaian terhadap perselisihan yang berlaku diantara orang ramai dengan negara.

Beliau juga telah mensyaratkan kepada sesiapa yang menyandang jawatan kehakiman mestilah orang Muslim, merdeka, baligh, berakal, adil, fakih (alim dalam undang-undang dan tahu bagaimana menjatuhkan hukuman terhadap satu-satu masalah. Adapun orang yang akan menyandang jawatan Hakim Kezaliman, maka dia adalah

¹⁷⁸ Abu Bakar Hamzah (1971), *Kemanusiaan dan Rukun Negara*, Kota Bharu: Percetakan Muslim, h. 43.

disyaratkan selain dari syarat di atas, dia hendaklah lelaki dan bertaraf mujtahid (alim yang mampu berijtihad).¹⁷⁹

Pendapat yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah ini adalah bertepatan dengan pandapat Dr Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari yang mensyaratkan hakim terdiri daripada seorang lelaki, berakal, baligh, merdeka, Muslim, adil, mujtahid dan cukup deria pendengaran, penglihatan serta pertuturan.¹⁸⁰

4.6 SISTEM PARLIMEN

Orang yang mewakili umat Islam dalam perkara memberi pendapat dan rujukan bagi Khalifah (Perdana Menteri) dinamakan “*Majlis al-Ummah*” (Ahli Parlimen). Orang-orang bukan muslim juga boleh menjadi wakil di dalam parlimen dan berhak bersuara untuk menyampaikan pengaduan terhadap kezaliman pihak pemerintah ataupun penyalah gunaan hukum Islam itu sendiri.¹⁸¹ Dalam hal ini, Ustaz Abu Bakar Hamzah secara tidak langsung telah mengislamkan sistem parlimen yang diasaskan oleh barat.

Ahli parlimen dipilih dengan cara pilihanraya. Rakyat yang baligh dan berakal boleh menjadi anggota di dalam parlimen sama ada lelaki ataupun perempuan. Sementara itu parlimen mempunyai empat bidang kuasa iaitu:-

¹⁷⁹ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 28.

¹⁸⁰ Khalid ‘Ali Muhammad Al-Anbari, Dr (2008), *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Zahazan Mohamed (terj.), Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., h. 261.

¹⁸¹ Abu Bakar Hamzah (1983), *op.cit.*, h. 38

- a) Apa jua perkara urusan luar negeri hendaklah diambil keputusan pendapat perlimen mengenainya seperti urusan-urusan pemerintahan, pelajaran, kesihatan, ekonomi dan sebagainya.
- b) Parlimen berhak memeriksa semua kerja yang berlaku di dalam negara sama ada dalam perkara urusan dalam negeri mahupun urusan luar negeri, kewangan dan ketenteraan. Keputusan majoriti parlimen adalah wajib dipatuhi selagi pendapatnya tidak bercanggahan dengan hukum syara'.
- c) Majoriti anggota parlimen juga berhak serta berkuasa menyatakan ketidak redhaannya terhadap mana-mana ahli parlimen. Suara parlimen dalam hal ini adalah wajib diikuti. Berikutan itu *Khalifah* hendaklah melucutkan mereka yang berkenaan dengan serta-merta.
- d) *Khalifah* hendaklah merujukkan kepada parlimen apa-apa hukum yang akan dipakainya mengenai perlembagaan mahupun undang-undang biasa.
- e) Hak memendekkan calon-calon bagi jawatan *Khalifah* adalah terletak pada anggota-anggota yang Muslim di dalam parlimen dan pendapat mereka adalah wajib diamalkan.¹⁸²

¹⁸² *Ibid*, h. 40.

4.7 PERATURAN KEMASYARAKATAN

Pada asalnya kaum perempuan merupakan ibu serta penguasa rumah tangga dan ia adalah satu kehormatan yang wajib dipelihara sementara kaum lelaki hendaklah berasingan dari perempuan dan tidak bergaul melainkan kerana keperluan syara' seperti jual beli dan urusan-urusan yang diakui kepentingan masyarakat seperti urusan haji dan sebagainya.¹⁸³

Maka dengan ini hendaklah diberi kepada perempuan hak-hak yang sama yang diberi kepada lelaki dan dipertanggungjawabkan keatasnya apa-apa kewajipan yang dipertanggungkan ke atas lelaki melainkan apa-apa yang dikhaskan oleh Islam kepada lelaki atau apa-apa yang dikhaskan bagi lelaki dengan alasan-alasan syara'.

Perempuan juga boleh dilantik memegang jawatan-jawatan negara dan berhak memilih anggota-anggota parlimen, akan tetapi mereka tidak boleh memegang jawatan pemerintah seperti *Khalifah*, *Muawwin*, *Wali* dan *Gabenor*.¹⁸⁴

Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah juga, perempuan mempunyai hak penuh dalam kehidupan umum (public life) dan dalam kehidupan khusus (private life). Dengan itu dalam kehidupan umumnya, mereka berhak hidup bersama-sama sama ada bersama mahram atau tidak dengan syarat kaum wanita tidak menunjukkan dari dirinya melainkan muka dan dua tapak tangannya serta tidak berkelakuan bebas serta mengada-ngada. Adapun dalam kehidupan khusus, maka mereka tidak boleh bergaul melainkan sesama

¹⁸³ *Ibid*, h. 41.

¹⁸⁴ *Ibid*, h. 42.

mereka atau bersama mahram. Dalam kedua-dua keadaan, kaum wanita hendaklah terikat dengan hukum-hukum syara'.¹⁸⁵

4.8 SISTEM EKONOMI

Pada pandangan Ustaz Abu Bakar Hamzah, sikap Negara memandang bagaimana sepatutnya masyarakat memenuhi keperluan hidup dan gambaran taraf hidup masyarakat itulah yang dijadikan asas bagi pemenuhan keperluan. Masalah ekonomi ialah pada pembahagian harta dan faedah kepada individu rakyat.¹⁸⁶

Ini bermakna setiap individu berhak memenuhi keperluan masing-masing dan boleh mencapai kemewahan dengan cara yang tidak bertentangan dengan agama. Walaupun begitu, harta kekayaan adalah milik Allah SWT. Sementara itu pemilikan harta terbahagi kepada tiga jenis:¹⁸⁷

I) Milik perseorangan.

Ia merupakan benda atau faedah yang membolehkan seseorang itu memilikinya, mendapat faedah atau mendapat ganti rugi daripadanya dan disahkan oleh syara'.

¹⁸⁵ *Ibid*, h. 43.

¹⁸⁶ *Ibid*, h. 45.

¹⁸⁷ *Ibid*, h. 46.

II) Milik umum

Harta ini merupakan kebenaran dari syara' bagi orang ramai menyertai untuk mendapat faedah dari benda tersebut.

III) Milik Negara

Apa jua harta kekayaan yang penggunaannya terserah kepada keputusan pendapat Khalifah dan ijтиhad adalah dikira milik negara seperti harta yang diperolehi dari cukai, *kharaj* dan *jizyah*.

Sementara itu, bank-bank tidak dibenarkan beroperasi kecuali ianya adalah milik kerajaan dan tidak boleh mengamalkan sistem riba. Pertukaran matawang diantara negara Islam dan negara-negara lain adalah dibenarkan dan negaralah yang menerbitkan wang khas baginya. Ianya mestilah diperbuat dari emas atau perak.¹⁸⁸

Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah juga, negara hendaklah mengawasi urusan perusahaan dan pertanian serta hasilnya. Adapun saudagar-saudagar yang termasuk di bawah golongan kafir *harbi* tidak dibenarkan bermiaga di negara Islam kecuali dengan kebenaran khas.¹⁸⁹

¹⁸⁸ *Ibid*, h. 59.

¹⁸⁹ *Ibid*, h. 58.

4.9 POLISI PENDIDIKAN DALAM PEMERINTAHAN

Pendidikan merupakan satu perkara yang penting dalam pemerintahan kerana ia merupakan satu asas untuk membangunkan Negara. Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, “Aqidah Islamiah” hendaklah menjadi asas bagi kurikulum pelajaran. Polisi pendidikan pula hendaklah ditujukan bagi membentuk cara berfikir Islamiah dan kejiwaan Islam.¹⁹⁰ Ini bermakna polisi pendidikan hendaklah digubal mengikut asas Islam agar wujud di dalam setiap jiwa individu pemahaman dan ketokohan Islamiah dan membekalkan manusia dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan yang berkaitan dengan urusan hidup. Dengan demikian, urusan dunia dan akhirat dapat di seimbangkan.

Sementara itu Haji Abdul Malik b. Abdul Karim Amrullah (HAMKA) menyokong pendidikan manusia dengan budaya berfikir yang diajarkan al-Quran sebagaimana yang dihuraikan di dalam Tafsir *al-Azhar* – jilid 2.¹⁹¹ Ini bermakna beliau secara tidak langsung menjadikan Islam sebagai asas dalam pendidikan dan menjadikan budaya berfikir yang diajarkan al-Quran sebagai panduan.

Pendidikan merupakan salah satu perkara yang paling penting di dalam kehidupan manusia kerana setiap perkara atau perbuatan seorang mukmin itu hendaklah dengan menggunakan ilmu dan akal. Ibnu Mas’ud r.a ada berkata : “ Hendaklah kamu semua mengusahakan ilmu pengetahuan itu sebelum ia dilenyapkan. Lenyapnya ilmu pengetahuan ialah dengan matinya orang-orang yang memberikan atau yang

¹⁹⁰ *Ibid*, h. 61.

¹⁹¹ Ustaz Muhammad Uthman el-Muhammady (2001), *HAMKA Transfrmasi Sosial Di Alam Melayu*, Seminar Pemikiran Hamka Ke-2, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 103.

mengajarkannya. Seseorang itu tidak akan dilahirkan dan sudah menjadi pandai. Jadi ilmu pengetahuan itu harus diusahakan dengan belajar”.¹⁹²

4.10 KESIMPULAN

Disini dapat dilihat bahawa Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan seorang yang kreatif yang dapat merancang corak pemerintahan Islam secara teratur. Walau bagaimanapun pada pandangan penulis terdapat beberapa perkara yang perlu dibaiki dalam perancangan beliau seperti bidang kuasa tentera dan bidang tugas para hakim. Pada bab seterusnya penulis akan membincangkan kesimpulan pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah secara keseluruhan meliputi kesimpulan umum dan khusus serta saranan daripada penulis.

¹⁹² Imam al-Ghazali (1997), *Bimbingan Mukmin*, Selangor: Klang Book Centre, h. 19.

BAB KELIMA

KESIMPULAN

Setelah kajian dibuat mengenai pemikiran politik Islam Ustaz abu Bakar Hamzah, penulis dapat merumuskan beberapa kesimpulan yang penting tentang pemikiran beliau dan ingin memberikan beberapa saranan untuk diguna pakai oleh orang ramai secara amnya dan ahli politik serta pengkaji politik secara khusus. Semoga dengan kesimpulan ini akan dapat memberi impak dan manfaat yang banyak untuk kegunaan masyarakat kita pada hari ini.

5.1 Kesimpulan Umum

1. Sistem politik Islam merupakan satu sistem yang berkait rapat dengan perkembangan dan ketamadunan agama Islam dan negara. Pada pendapat penulis, hanya dengan politik Islam sahajalah sesbuah negara itu akan menjadi aman dan damai serta maju mengikut perkembangan semasa.

2. Konsep politik Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w merupakan satu-satunya sistem politik yang terbaik di dunia ini sebagaimana yang telah berlaku kepada kerajaan Madinah yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w sendiri dan seterusnya para sahabat baginda. Pada masa tersebut

masyarakat Madinah dapat menjalani kehidupan mereka dengan aman dan tenteram tanpa sebarang gangguan.

3. Kebanyakkan sistem politik yang diguna pakai di negara-negara Islam pada masa sekarang adalah mengikut sistem nasionalisma yang dibawa oleh puak zionis Yahudi untuk merosakkan negara dan masyarakat yang beragama Islam. Oleh yang demikian, para politikus Islam khususnya dan juga umat Islam secara umumnya pada masa sekarang haruslah memperjuangkan politik Islam dengan bersungguh-sungguh dan sanggup menghadapi apa jua cabaran demi menegakkan sebuah negara Islam agar kita semua mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
4. Pada pandangan penulis, para pemimpin Islam tidak seharusnya mengikut telunjuk pemimpin-pemimpin barat dengan melaksanakan perkara-perkara yang haram disisi Islam. Akan tetapi mereka semua haruslah bersepakat untuk berjuang demi menegakkan agama Islam dan juga negara Islam yang sebenarnya agar ianya menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat dunia khususnya golongan kuffar.
5. Politik Islam di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu bermula di negeri Melaka pada awal kurun ke-15 dibawah pemerintahan Parameswara. Ia merupakan titik permulaan datangnya agama Islam di semenanjung Tanah Melayu. Pada masa tersebut kerajaan negeri Melaka

mengguna pakai perundangan Islam sebagai asas pemerintahan mereka. Ini menjadi bukti dan menunjukkan bahawa kerajaan Islam dapat membawa kemajuan dan keamanan kerana pada masa tersebut negari Melaka merupakan satu negeri dan kerajaan yang masyhur dan menjadi tumpuan para pedagang. Para pedagang dapat menjalankan perniagaan mereka di negeri Melaka dengan aman dan selamat tanpa sebarang gangguan. Perkara tersebut menyebabkan para pedagang berminat untuk berdagang dan bertapak di negeri ini.

6. Pada masa sekarang agama Islam merupakan agama rasmi Negara Malaysia, namun begitu sistem politik dan pemerintahan negara ini tidak diamalkan menurut agama Islam. Hanya undang-undang keluarga Islam dan upacara bagi majlis-majlis rasmi kerajaan persekutuan sahaja yang dijalankan menurut agama serta perundangan Islam. Pada pandangan penulis, negara Malaysia seharusnya menjadikan Islam sebagai panduan di dalam apa jua keadaan kerana Malaysia merupakan negara yang purata penduduknya beragama Islam. Maka adalah wajar bagi para pemerintah untuk menggunakan perundangan Islam di dalam pemerintahan negara ini agar Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan aman makmur serta menjadi contoh kepada negara-negara yang lain di dunia ini.

7. PAS merupakan salah satu organisasi dan parti Islam di Malaysia yang ingin mendaulat serta menjalankan pemerintahan secara Islam. Parti ini

berjuang berdasarkan al-Quran, hadis, ijma' dan ijtihad demi untuk menegakkan negara Islam di Malaysia.

8. UMNO pula merupakan parti pemerintah dan masyhur di negara Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1946. UMNO merupakan parti pemerintah semenjak kemerdekaan Tanah Melayu sehingga pada hari ini. Parti UMNO merupakan sebuah organisasi dan parti politik yang berjuang berdasarkan demokrasi untuk memajukan masyarakat Melayu di Malaysia.
9. Apabila datangnya kebenaran di dalam politik, maka akan lenyaplah segala kebatilan. Oleh itu jauhilah diri daripada melakukan kejahanatan dan kebatilan di dalam pemerintahan agar terselamat di dunia dan di akhirat.
10. Kehidupan berpolitik mempunyai pelbagai liku dan onak duri. Hanya mereka yang betul-betul berusaha dan mempunyai semangat yang jitu mampu mengharunginya. Dengan sebab inilah bukan semua manusia mampu menjadi pemimpin yang baik dan berjaya.
11. Setiap kesusahan pasti ada kesenangannya dan setiap kepahitan sudah pasti mempunyai kemanisan. Begitulah asam garam dalam kehidupan berpolitik. Kadangkala seseorang itu berada di atas dan ada pula yang turun ke bawah dalam organisasi pemerintahan. Begitu juga apabila

seseorang itu bertanding di dalam pilihan raya, sudah pasti ianya akan memperolehi kejayaan atau kegagalan.

12. Pemerintahan Islam yang sebenarnya mampu membawa kebahagiaan dan kesenangan kepada rakyat sepetimana yang berlaku pada awal pemerintahan Bani ‘Abbasiyyah.
13. Rakyat Malaysia merupakan rakyat yang bertuah kerana dapat menjalani kehidupan yang aman dan selesa disebabkan keadaan politiknya yang stabil berbanding dengan negara-negara yang lain. Dikebanyakannya negara-negara umat Islam yang lain, banyak berlaku perang dan musibah sepetimana yang berlaku di negara Pakistan yang majoriti rakyatnya beragama Islam.

5.2 Kesimpulan Khusus

1. Ustaz Abu Bakar Hamzah merupakan salah seorang tokoh politik dan pemimpin yang unggul dan masyhur pada era 80an. Ia berdasarkan beberapa jawatan utama di dalam parti politik yang pernah disandang oleh beliau pada masa tersebut.
2. Menurut pandangan penulis, beliau telah banyak memberi dan mengeluarkan idea baru yang berasas dari sudut pentadbiran dan kepimpinan. Sesetengah idea beliau telah diguna pakai sehingga hari ini. Ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai

pemikiran yang kreatif dan kritis sehingga beliau dapat mengeluarkan idea yang baik bagi tujuan memajukan politik Islam dan pentadbiran negara. Namun begitu bukan semua pendapat beliau diguna pakai oleh pemimpin pada masa tersebut.

3. Beliau amat mementingkan ajaran agama Islam dalam apa jua bentuk pentadbiran politik. Beliau menitik beratkan agama Islam dan menjadikannya sebagai ukuran dalam pelbagai sudut.
4. Ustaz Abu Bakar Hamzah sanggup menghadapi pelbagai kesusahan dalam kehidupannya terutama ketika mana beliau bergiat cergas di dalam politik. Beliau juga sanggup menghadapi dengan tenang pelbagai tomahan yang dilemparkan terhadapnya.
5. Beliau mempunyai semangat yang jitu dan kuat serta tidak mudah putus asa dalam perjuangan menegakkan agama Islam dan kebenaran.
6. Beliau merupakan seorang tokoh politik cintakan ilmu pengetahuan dan rajin. Perkara ini terbukti kerana beliau mampu menulis dan menterjemah pelbagai buku walaupun semasa beliau bergiat cergas di dalam politik.
7. Pendapat beliau mengenai politik Islam banyak terpengaruh dengan Revolusi Islam yang berlaku pada zaman beliau.

8. Kronologi sumbangan Ustaz Abu Bakar Hamzah dalam bidang politik Islam bermula semasa beliau mula menyandang jawatan Ketua Pemuda PAS pusat pada tahun 1958 seterusnya memangku jawatan setiausaha agung PAS. Beliau juga pernah menjadi ahli dewan rakyat, kemudiannya dilantik menjadi senator. Kemudian beliau diberi amanah memegang jawatan setiausaha perlimen Malaysia. Setelah sekian lama mencurahkan bakti di dalam bidang politik Islam, beliau beralih pula menjadi seorang pensyarah di akhir kehidupan beliau.
9. Beliau mempunyai banyak pengalaman di dalam bidang kerjaya kerana beliau telah menjawat pelbagai jawatan sepanjang kehidupan beliau yang bermula dari seorang pegawai polis, guru, ahli politik sehingga menjadi seorang pensyarah. Pengalaman-pengalaman inilah yang menjadikan kehidupan beliau lebih matang dari orang lain yang seusia dengannya.
10. Dilihat dari latar belakang kehidupan beliau, dapat disimpulkan bahawa kehidupan beliau adalah sederhana dan beliau tidak suka bermegah-megah walaupun beliau pernah menjawat jawatan yang tinggi di dalam pentadbiran negara.
11. Kejayaan yang diperolehi oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah didorong oleh isteri dan anak-anaknya sehingga isterinya sanggup menjual kuih-muih semata-mata untuk melihat beliau berjaya di dalam pendidikan.

5.3 Saranan

- I) Penulis menyarankan agar usaha penulisan mengenai pemikiran tokoh-tokoh politik Islam ini akan diteruskan oleh para pengkaji akidah dan pemikiran agar jasa dan pengorbanan yang dicurahkan mereka dapat diabadikan serta menjadi tatapan, tauladan dan ikutan yang baik begi generasi yang akan datang.
- II) Pengalaman yang telah dilalui oleh penulis sepanjang penulisan pemikiran politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah amat bermakna dan memberikan kesan yang positif di dalam kehidupan penulis. Tidak ramai para pengkaji pemikiran politik Islam yang mampu mengajinya dengan baik dan mendalam pada masa kini. Oleh itu penulis ingin menyarankan kepada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam agar mencadangkan kepada calon-calon sarjana untuk memperbanyakkan pengkajian mengenai pemikiran politik Islam para tokoh politik Islam yang masyhur di seluruh dunia terutamanya di Malaysia.
- III) Penulis menyarankan agar pihak Universiti Malaya mengetengahkan segala penulisan yang pernah dihasilkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah agar gagasan pemikiran politik Islam dan pandangan beliau dapat ditinjau dan dikaji oleh generasi sekarang serta generasi yang akan datang.

- IV) Bagi mengenang jasa-jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh ahli-ahli politik Islam, penulis mencadangkan kepada pihak berwajib atau pihak berkuasa tempatan agar menamakan tempat-tempat tertentu dan penting dengan nama mereka agar jasa-jasa, sumbangan dan pengorbanan yang telah mereka curahkan kepada umat Islam menjadi ingatan dan sebutan kepada masyarakat khususnya yang beragama Islam.
- V) Politik Islam yang sebenarnya hendaklah diamalkan serta menjadi panduan bagi setiap parti politik dan masyarakat yang beragama Islam agar ianya menjadi tauladan serta ikutan bagi mereka yang belum lagi menerima ajaran Islam.
- VI) Golongan pemerintah dan masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu bagi memantap dan melaksanakan politik Islam sebagaimana yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w.
- VII) Kepada kerajaan Malaysia, penulis menyarankan agar meneruskan serta melaksanakan politik Islam agar perpaduan dan kedaulatan umat Islam dapat dipertahankan.
- VIII) Penulis mencadangkan kepada pihak muzium negeri, Arkib Negara, dan pihak-pihak yang lain agar menyimpan dan mengumpulkan data-data para politikus Islam yang masyhur untuk dipamerkan kepada masyarakat tanpa

mengira pegangan politik yang telah mereka pegangi. Ini kerana penulis mendapati pihak-pihak yang berkenaan hanya menyimpan dan mengumpulkan data-data beberapa orang tokoh sahaja terutamanya tokoh politik Islam yang sealiran dengan kerajaan.

- IX) Penulis juga ingin menyarankan kepada pihak universiti-universiti agar pemikiran politik Islam dijadikan mata pelajaran yang wajib bagi setiap pelajar agar ianya dijadikan panduan setelah tamat pengajian.
- X) Akhirnya penulis ingin menyarankan kepada pihak berkuasa agar mengetengahkan pemikiran politik Islam tokoh-tokoh yang tertentu untuk dijadikan panduan oleh masyarakat.

5.4 Kata Penutup

Sebagai kata penutup, penulis merasakan bahawa kajian ini belum lagi sempurna secara keseluruhan mengenai kehidupan dan pemikiran politik Islam Allahyarham Ustaz Abu Bakar Hamzah dari kecilnya sehingga beliau menghembuskan nafas yang terakhir.

Disertasi ini tidaklah bertujuan untuk menyenaraikan semua peristiwa dari kehidupan dan pemikiran politik Islam Allahyarham Ustaz Abu Bakar Hamzah, akan tetapi ianya ibarat seorang nelayan yang hanya mampu menangkap ikan-ikan yang tertentu sahaja sepanjang berada di lautan. Sudah menjadi lumrah kehidupan para nelayan

bahawa masih terdapat banyak ikan-ikan yang lebih berharga yang tidak dapat dan tidak sempat di tangkapnya.

Penulis merasakan pemikiran politik Islam beliau sentiasa berlegar-legar di dalam minda penulis walaupun penulis tidak sempat berguru dan berjumpa dengannya. Penulis juga merasakan diri dan kehidupan beliau amat rapat dengan penulis seolah-oleh beliau sempat menjalani kehidupan bersama-sama penulis. Disamping itu penulis menjadikan beliau sebagai seorang guru yang telah memberi tunjuk ajar, ilmu pengetahuan dan ketabahan kepada penulis dalam mengharungi kehidupan politik yang berliku-liku di masa kini.

Akhir sekali, penulis mendoakan semoga rohnya sentiasa berada dalam rahmat Allah SWT serta bersama-sama dengan para anbiya', shuhada' dan para solihin. Semoga beliau berbahagia di akhirat kelak. Disedekahkan sekalung al-Fatihah buat Allahyarham Ustaz Abu Bakar Hamzah. Amin.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Bahasa Arab

- ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (2002), *Al-Qawmiyyah Fi Mizani Al-Islam*, Kaherah: Dar al-Salam
- ‘Abd ‘Aziz ‘Izzah Al-Khiyat, Dr. (1999), *Al-Nizam Al-Siasah fi Al-Islam*, Kaherah: Dar al-Salam
- ‘Abd al-Wahab Khalaf (1989). Al-Siasah al-Syariyyah aw Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Syuni al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliiyah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abu Dawud Sulaiman b. ‘Ash‘as al-Sajistani (1995), *Mukhtasar Sunan Abu Dawud, tahqiq* Dr. Mustafa Dib al-Bugha, Damsyiq: Dar al-Ulum al-Insaniyyah.
- Ahmad Mukhtar ‘Umar (1988), *Al-Mu’jam al-Asasi*, Tunis: Al-Munazzamah al-Rabiyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-‘Ulum.
- Al-Mawardi, ‘Ali bin Muhammad (t.t), *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Razi, Fakh al-Din (1990), *Tafsir al-Kabir aw Mafatihu al- Ghaiyib*. Beirut: Dar al-Kutub ‘lmiiyah.
- Al-‘Asallani, Ahmad b. ‘Ali b. Hajar (1379H) *Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah
- Al-Bugha Mustafa Dr. (1995), *Al-Wafi fi Syarh al-Arba‘in al-Nawawiyya*. Damsyik: Dar al-Kalim al-Taiyib.
- Al-Faiyumi, Ahmad b. Muhammad b. ‘Ali (t.t), *Misbah al-Munir*. Beirut: al-Maktabah al-‘lmiiyah.
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad (t.t) *Ihya, ‘Ulum al-Din*, Mesir, Dar Ihya, al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Iji ‘Abd al-Rahman B. Ahmad (t.t), *al-Mawaqif fi‘ilm kalam*, Kaherah, Maktabah al-Mutanabbi.
- Al-Imam al-Bukhari , Muhammad bin Isma‘il (1981) *Sahih al-Bukhari*, (t.t) Dar al-Fikr li al-Tib‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘

Al-Nawawi, Yahya B. Sharaf (t.t) *al-Arba 'in al-Nawawiiyah*, Damsyik, Dar 'Ulum al-Insaniyah

Al-Zuhayli, Wahbah Dr. (1991), *Tafsir al-Munir*, Syria, Dar al-Fikr.

Hasan Ayub (1980), *Tabsit al- 'Aqaid al-Islamiyyah*, Kuwait: Dar al-Quran al-Karim.

Hasan Ibrahim Hasan Dr. (1963), *Tarikh al-Islam al-Siasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'i*, c. 7, Juzu' 2, Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriiyah.

Ibn Faris (1991), *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Jayl, jil.4.

Ibn Kathir Ismail bin Kathir (2004) *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub li al-Tiba 'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi

Muhammad 'Ali al-Sabuni (t.t) *Mukhtasar Tafsir Ibn. Kathir*, j. 3, Beirut: Dar al-Fikr.

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthi, Dr. (1999), *Fiqh Sirah al-Nabawiiyah*, Kaherah: Dar al-Salam.

Muslim b. al-Hajjaj al-Qusyari al-Naysaburi (1945) *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Musnad Imam Ahmad b. Hanbal (1999) *al-Mawsu 'ah al-Hadithiiyah, tahqiq* oleh Syeikh Syu'aib al-Arna'ut, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Mustafa Sibaie Dr.(1998) *al-Siratu al-Nabawiyah, Durus wa Ibrun*, Kaherah: Dar al-Salam.

Sayyid Qutb (1982) *Fi Zilal al-Quran*, Beirut: Dar al-Syuruq.

Sheikh Ibrahim ibn Muhammad al-Baijuri (1983), *Tuhfatu al-Murid Syarh Jauharatu al-Tauhid*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Yusof Qardawi Dr. (2000), *Hajatu al-Bashariyyah ila al-Risalah al-Hadariyah li Ummatina*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Yusof Qardawi Dr. (2001), *Min Fiqh al-Daulah Fi al-Islam*, c. 3. Kaherah: Dar al-Syuruq.

Rujukan Bahasa Melayu

Al-Quran dan Terjemahannya (1412H), Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Haramain al-Syarifain al Malik Fahd li Thiba'at al Mushaf al Syarif.

Abang Mohd Atei Medaan (2004), *Di Sebalik Falsafah Realiti Baru, Aspirasi dan Pemikiran Islam Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud*, cet. 2, Kuching Serawak: Jabatan Agama Islam Sarawak.

Abdullah Alwi bin Hj Hassan(1980), “The Development of Islamic Education In Kelantan”, *Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia,

Alias Mohamed (2003), *Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.

Abu Bakar Hamzah (t.t) *Kegemilangan Islam dan Kedaulatan Bangsa Zaman UMNO-PAS Bersatu*, Kuala Lumpur: Media Cendiakawan.

Abu Bakar Hamzah (1971) *Kemanusiaan dan Rukun Negara*, Kota Bharu: Perchetakan Muslim.

Abu Bakar Hamzah (1966) *Sejarah Kebudayaan Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Abu Bakar Hamzah (1983) *Islam dan Konsep Pandang ke Timur*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.

Abu Bakar Hamzah (1983) *Konsep Kepimpinan Ulama dalam Politik*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.

Abu Bakar Hamzah (1989) *Quo Vadis Pas? Polemik Spontan Diantara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslmi*, Selangor: Polygraphics Press Sdn. Bhd.

Abu Bakar Hamzah (1991) *Krisis teluk: Mencari Kebenaran*, Petaling Jaya: Media Cendiakawan Sdn. Bhd.

Abu Bakar Hamzah (1992) *Takhta Kekal di Tangan Rakyat*, Petaling Jaya: Media Cendiakawan Sdn. Bhd.

Ahmad bin Haji Mohd Salleh (1984), *Kursus Pendidikan Islam*, Kelantan: Pustaka Aman Press.

Annual Bakri Haron (2006), *Off-Road Nik Abdul Aziz Nik Mat*, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

- Hj. Syed Ibrahim Dr. (2007), *Malaysia Kita*, c. 8. Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services.
- Idris Awang Dr. (2001) *Kaedah Penyelidikan Satu Sorotan*, Kuala Lumpur, Intel Multimedia and Publication.
- Idris bin Zakaria Dr.(2006), *Liberalisma / Pluralisma*, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Ismail Che Daud (1996), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail bin Awang (1998), "Sejarah Masuknya al-Qur'an ke Kelantan" , *Warisan Kelantan v*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Jamal Mohd Lokman Sulaiman (1999), *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz, Seorang Ulama' serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke 20*, Selangor: Sulfa Human Resources & Development.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juz'*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid 'Ali Muhammad Al-Anbari, Dr (2008), *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Zahazan Mohamed (terj.), Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- K.H. Firdaus A.N. (1997), *Tokoh Kepimpinan dan Pejuang Keadilan Khalifah Umar bin Abdul Aziz*, Selangor: Pustaka Ilmi.
- Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramedia.
- Mohd Sayuti Omar (1999), *Salam Tok Guru, PAS Perintah Malaysia*, Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (t.t) *Bandaraya Islam, Konsep dan Pembudayaan*, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Sa'ad Shukri bin Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, cet.1, Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press.

Mohd Mokhtar Shafie (1993) *Sejarah Keagungan Kerajaan Islam*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Munir Muhammad al-Ghadban (2003) *Kerjasama Politik Dalam Menegakkan Kerajaan Islam*, Selangor: Pustaka Ilmi.

Riduan Mohamad Nor / Mohd Fadli Ghani (2007), *Ulama' Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: MHI Publication.

_____ (2003), *Negara Islam*, Bandar Baru Bangi: Parti Islam Semalaysia (PAS).

Tenku Iskandar Dr. (2002) *Kamus Dewan*, edisi ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Burhadin Wan Omar (1983), *Yayasan Pengajian Tinggi Islam (sehingga 1974), Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia,

Zin mahmud (2008), *Kepimpinan dan Perjuangan Pemuda UMNO*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Rujukan Bahasa Inggeris

Abu Bakar Hamzah (1991) *The Gulf Crisis: The Kuwaiti Perspective*, Petaling Jaya: Media Cendiakawan Sdn. Bhd.

Abu Bakar Hamzah (1991) *Invasion of Kuwait By Iraq*, Petaling Jaya: Media Cendiakawan Sdn. Bhd.

Abu al-A'la al-Maududi (t.t) *Toward Understanding Islam*, Terj. Elwin Siregar, dasar Akidah Islam, Jakarta: Media Dakwah.

Abdul Rashid Moten, Syed Serajul Islam (2005), *Introduction To Political Science*, Kuala Lumpur: Thomson Learning.

Syed Jaffar alfSagof (1991) *After Imam*, Kuala Lumpur: University Publication.

William R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society And Politics In A Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press

Rujukan Artikel Jurnel dan Disertasi

Mohd Fauzi B. Hamat Dr. (2001) "Ketokohan al-Ghazali dalam bidang Mantik: Analisis terhadap Mukadimah Kitab al-Mustasfa min 'ilmUsul Fiqh", (Tesis Ph.D Fakulti Usuliddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

_____ (2003) "Format al-Burhan Dalam Teradisi Pengajian Mantik: Tumpuan Khusus Terhadap Teks Kitab al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul Karangan al-Imam al-Ghazali" *Afkar Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Bil. 4.

Ahmad Ruhaidy,(2003), Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Akidah dan Pemikiran, APIUM.

Muhammad Nawi Hasyim (1984), *Sinar Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Yayasan Pengajian Islam Negeri Kelantan (YPINK), Bil. (5) dlm. JASA T / 143.

Abdul Rahman Aziz Dr. / Syed Dawilah al-Edrus Dr. / Fadhlullah Jamil Dr./ Muhammad Uthman el-Muhamady / Siti Hajar Che Man Dr. (2001) *Hamka, Transformasi Sosial di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Sains Malaysia.